


**Jilid I  
Bil. 12**



**MALAYSIA**

**Hari Khamis  
5hb Ogos, 1971**

**PENYATA RASMI**  
**OFFICIAL REPORT**

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN PERTAMA**  
*First Session*

**KANDONGAN-NYA**

**RANG UNDANG<sup>2</sup>:**

- Rang Undang<sup>2</sup> Kerantina dan Menchegah Penyakit (Pindaan) [Ruangan 809]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Perubatan [Ruangan 813]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Pergigian [Ruangan 857]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Pembasmi Malaria [Ruangan 861]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Hospital Persendirian [Ruangan 872]**

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

---

Hari Khamis, 5hb Ogos, 1971

---

*Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN  
BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN,  
P.M.N., (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN  
YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia  
TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K.  
(Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, J.M.N., D.P.M.S., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., DATO' KURNIA  
INDERA (Di-lantek).
- „ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
- Yang Berhormat TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DR SYED HUSSEIN ALATAS (Pulau Pinang).

Yang Berhormat TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).

- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., ORANG KAYA INDERA MAHARAJA PURBA JELAI (Pahang).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
- „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- „ DATO' HAJI PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
- „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., DATO' KURNIA PANGLIMA RAJA (Pahang).
- „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH (Perlis).
- „ TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN WILLIAM TAN, J.M.N., C.B.E. (Di-lantek).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATO' S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN WONG SWEE SOON, A.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

#### YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).

Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).

Yang Berhormat DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).

#### YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N.

- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN.
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD.
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N.
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T.

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG<sup>2</sup>RANG UNDANG<sup>2</sup> KERANTINA DAN MENCHEGAH PENYAKIT (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan Rang Undang<sup>2</sup> bertajuk "Akta bagi meminda Quarantine and Prevention of Disease Ordinan, 1939." Rang Undang<sup>2</sup> ini telah pun di-bahathkan dan di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat.

Tujuan untuk membentangkan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah bagi meminda Sekshen 68(1) Quarantine and Prevention of Disease Ordinance, 1939 (Straits Settlements) yang menguntokkan bagi memindah dan membawa mayat<sup>2</sup> di-negeri<sup>2</sup> Pulau Pinang dan Melaka. Pindaan sekshen ini akan menyingkirkan masalaah<sup>2</sup> kelambatan dan sa-bagai-nya di-mana mayat<sup>2</sup> yang berkenaan terutama-nya mayat<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> Islam untuk di-kebumikan.

Pada masa ini undang<sup>2</sup> yang berthabit dengan memindah dan membawa mayat<sup>2</sup> di-negeri<sup>2</sup> Pulau Pinang dan Melaka ada-lah di-kawal oleh Sekshen 68(1) Quarantine and Prevention of Disease Ordinance, 1939 yang berkehendakkan mayat<sup>2</sup> di-preservekan dan mempunyai sijil perakuan perubatan sa-belum permit di-keluarkan untuk memindahkan mayat<sup>2</sup> dari satu daerah ka-daerah lain di-negeri Pulau Pinang dan Melaka.

Perlaksanaan kuasa undang<sup>2</sup> itu telah menimbulkan masalaah<sup>2</sup> yang berikut:

- (a) Banyak kesusahan telah timbul kepada warith<sup>2</sup> si-mati dalam mematohi undang<sup>2</sup> yang ada sekarang terutama-nya apabila kematian berlaku di-tengah malam, pada hari minggu atau hari<sup>2</sup> kelepasan am. Sa-kira-nya sa-orang pesakit dari Butterworth di-masokkan ka-Hospital Besar Pulau Pinang telah meninggal dunia maka si-warith-nya terpaksa menyediakan peti<sup>2</sup> mayat, kenderaan<sup>2</sup> dan mendapat permit sa-belum boleh di-benarkan membawa mayat itu melalui seberang laut atau Selat balek ka-Butterworth yang akan mengganggu keluarga<sup>2</sup> dan sahabat<sup>2</sup> si-mati untuk menziarahi sa-belum di-kebumikan.

- (b) Undang<sup>2</sup> yang ada sekarang telah mengambil banyak masa kaki-tangan<sup>2</sup> yang berkenaan yang mana boleh di-gunakan dengan lebeh bermenafa'at.

Dalam tahun 1970, 180 permit telah di-keluarkan untuk membawa keluar mayat<sup>2</sup> dari Pulau Pinang ka-Seberang Prai dan 36 di-bawa masok ka-Pulau Pinang dari Seberang Prai. Jumlah bayaran pada tahun 1970 yang di-pungut hasil dari pengeluaran permit<sup>2</sup> ini berjumlah hanya \$2,160.

Kehilangan pendapatan Kerajaan melalui pindaan ini ia-lah kechil sahaja jika di-bandingkan dengan kesusahan yang di-hadapi oleh ra'ayat melalui kuat-kuasa undang<sup>2</sup> yang ada sekarang. Pindaan yang di-shorkan itu ada-lah untuk mengelakkan kesusahan<sup>2</sup> yang tidak sa-patut-nya wujud saperti yang di-sebutkan di-atas sa-masa memindahkan mayat<sup>2</sup> dalam negeri<sup>2</sup> Pulau Pinang dan Melaka.

Sa-benar-nya tujuan asal ada-lah untuk mengawal penyebaran penyakit<sup>2</sup> berjangkit di-dalam Negeri<sup>2</sup> Pulau Pinang dan Melaka, tetapi malang-nya undang<sup>2</sup> itu telah di-gunakan kapada semua mayat<sup>2</sup> sama ada yang mengidap penyakit berjangkit atau tidak. Pindaan yang di-shorkan ini juga akan menghapuskan bayaran \$10 bagi satu permit sa-bagai pemindahan mayat di-dalam Negeri<sup>2</sup> itu, yang mana beberapa orang miskin di-negeri Pulau Pinang dan Melaka tidak mampu membayar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak ragu<sup>2</sup> lagi pindaan ini akan menghapuskan banyak kesusahan di-masa hadapan. Dan oleh yang demikian, saya mohon untuk di-luluskan Rang Undang<sup>2</sup> ini.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Saya mohon menyokong.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I think this is an Act long overdue. I give my full support to this Quarantine Act because we know that people suffer spiritually, not only spiritually but emotionally, because they are unable to take the corpse from one State to another. In the case of a sick person going to the hospital in Penang and after operation he died there, and they wanted to take the body, let us say, to Prai or to Kedah or to Perlis or to Perak, they could not do so because they have got to get first a permit from the Health Officer to certify that they are allowed to do it and then

they have got to pay a fee and sometimes it is late at night. So in this case it is a good thing, but it is for Penang and Malacca only. But I suggest that the Bill should be enlarged so that it includes the whole of Malaysia. Why should Penang and Malacca alone benefit from this Bill.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** (*Bangun*).

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Not Malaysia, only two States—Malacca and Penang only.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, undang<sup>2</sup> ini di-khaskan kepada Melaka dan Pulau Pinang, kerana itu di-tempat negeri<sup>2</sup> lain itu ta' payah di-pindahkan kerana boleh di-pindahkan ka-sana ka-mari. Macham mana hendak di-pinda, benda ini sudah boleh.

**Tuan Syed Darus bin Syed Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya kalau kematian di-Perlis kita hendak bawa pindah ka-Kedah kena mendapat permit dan kena bayar \$10 saperti mayat<sup>2</sup> yang di-bawa dari Pulau Pinang balek ka-Sabering Prai juga.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Mr President, Sir, it was stated just now by the Honourable Attorney-General that the other States never asked for it. Is it for us to see the suffering of people? Should we enact a law because people want it and ask for it? We should think ahead for people, not for people to beg us to do such a thing and the Government starts doing it. We should think of the future.

I agree that this is a good thing, because sometimes when you want to get a permit from the Health Officer, he wants you to have the corpse sealed in a special coffin. If it is a matter of paying \$10, everybody can afford to pay \$10 for funeral expenses but sometimes they want to operate on the body,—do a post-mortem, to see the cause of the disease before they allow you a permit. It takes time and at night you can't get a man to do it—a pathologist to do the post-mortem. I support this, but it is right that it should be done throughout the whole of Malaysia and not only for Penang and Malacca because they want it. Thank you, Sir.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sa-penoh<sup>2</sup>-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini kerana satu perkara telah jadi berkenaan dengan kematian

ini, ia-itu bekas Gabnor Pulau Pinang kita dahulu Allahyarham Tun Syed Sheikh ia-lah orang Kedah, apabila dia meninggal dunia di-Pulau Pinang, maka pada masa itu Undang<sup>2</sup> ini belum di-pinda lagi maka berasa susah-lah bagi warith-nya hendak membawa mayat-nya ka-negeri Kedah kerana kena tunggu begitu bagini.

Jadi, dengan sebab itu, saya bersetuju-lah sangat, ini-lah satu undang<sup>2</sup> yang sangat<sup>2</sup> baik supaya dapat-lah warith<sup>2</sup> si-mati daripada Pulau Pinang itu boleh bawa balek mayat<sup>2</sup> adek beradek mereka itu dengan sa-berapa chepat yang mungkin.

**Tuan Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh atas Rang Undang<sup>2</sup> ini, kerana saya dudok di-Pulau Pinang dan saya tahu benar<sup>2</sup>lah banyak kejadian yang telah berlaku apabila mayat<sup>2</sup> orang Islam yang meninggal pada waktu pagi di-tanam sa-hingga pada sa-belah malam, atau pun besok dan ini ada-lah berlawanan dengan ugama kita, sa-patut<sup>2</sup>-nya mahu-lah mayat itu di-tanam tidak lewat daripada 24 jam.

Jadi saya sokong penoh atas Rang Undang<sup>2</sup> ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sa-belum Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawab atas perkara<sup>2</sup> yang timbul yang telah di-kemukakan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat tadi, suka saya menyatakan di-sini ada Huraian di-terangkan di-sini Undang<sup>2</sup> Kerantina ini ia-lah berkenaan dengan undang<sup>2</sup> lama sa-belum perang dahulu yang sudah lapok tahun 1939 yang mana mayat<sup>2</sup> tidak boleh di-pindahkan antara satu kampung ka-satu kampung atau satu district ka-satu district dalam kawasan Negeri itu, mithal-nya dalam Pulau Pinang dari Balek Pulau hendak bawa ka-bandar atau daripada Pulau Pinang hendak bawa ka-Seberang Prai atau selatan Seberang Prai hendak bawa ka-Butterworth—ta'boleh, melainkan ada permit daripada doktor dan bayar \$10. Demikian juga di-Melaka, jadi itu-lah yang menyusahkan orang<sup>2</sup> dalam Pulau Pinang yang hendak bawa saudara-nya yang mati daripada satu tempat ka-satu tempat dalam Negeri itu,—demikian juga di-Melaka, itu yang hendak di-pinda dan hendak di-hapuskan, tetapi yang di-timbulkan tadi ia-lah luar daripada dua Negeri yang tidak timbul sa-kali<sup>2</sup> di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Itu yang saya hendak terangkan, ada Huraian menyatakan dengan terang-nya, tetapi meleret ka-tempat lain pergi-nya didalam perbahathan ini.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kaseh kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat terutama sa-kali dari Kedah dan juga Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dari Pulau Pinang.

Sa-benar-nya ini patut sudah lama di-pinda tetapi ma'alum-lah dengan keadaan yang sebok, banyak undang<sup>2</sup> yang hendak di-pinda, jadi saya ucapkan terima kaseh.

Berkenaan dengan pandangan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat tadi, saya akan semak balek dengan Yang Berhormat Peguam Negara, dan jika undang<sup>2</sup> ini perlu di-pinda, kita akan pinda.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PERUBATAN**

### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk memben-tangkan satu Rang Undang<sup>2</sup> sa-bagai satu Akta untuk menyatu dan meminda Undang<sup>2</sup> berkaitan dengan Pendaftaran dan Amalan Pengamal<sup>2</sup> Perubatan dan bagi tujuan<sup>2</sup> kebangsaan, untuk menyediakan beberapa peruntokan<sup>2</sup> berhabit dengan tempoh per-khidmatan di-dalam perkhidmatan awam sa-lepas pendaftaran penoh sa-bagai sa-orang pengamal perubatan dan untuk membuat peruntokan<sup>2</sup> bagi tujuan<sup>2</sup> yang berhabit dengan-nya. Rang Undang<sup>2</sup> ini telah pun di-bahath dan di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1967, Kerajaan telah melantek sa-buah Jawatan-kuasa Khas di-bawah Pengerusi Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmad Kamil untuk mengkaji masaalah<sup>2</sup> perubatan dan pergigian di-dalam negara kita ini. Sa-tengah daripada masaalah<sup>2</sup> besar itu ia-lah kerana wujud-nya chara pendaftaran dan perundangan yang berasingan di-dalam tiga kawasan di-Malaysia (Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak) dan kekurangan pegawai<sup>2</sup> perubatan dan per-gigian dalam perkhidmatan Kerajaan dan bidang swasta.

Dua daripada beberapa shor<sup>2</sup> penting yang di-chadangkan oleh Jawatan-kuasa itu ia-lah :

- (a) Menyatukan ketiga<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> dalam ketiga<sup>2</sup> daerah itu kepada satu undang<sup>2</sup> kebangsaan, penubohan sa-buah Majlis Perubatan yang tunggal dan sa-buah Daftar Perubatan Kebangsaan;
- (b) Satu jangka waktu perkhidmatan wajib sa-lama dua tahun untuk kepentingan negara bagi semua pegawai<sup>2</sup> perubatan dan pergigian.

Shor<sup>2</sup> Jawatan-kuasa Khas itu telah pun di-gabongkan ka-dalam sa-buah Ordinan No. 65 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat yang telah di-kuat-kuasakan mulai 2hb Januari, 1971, ini.

Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bentangkan di-Dewan pada hari ini mengandongi tujuh bahagian yang di-peruntokkan bagi beberapa tujuan. Saya akan menjelaskan beberapa aspek<sup>2</sup> penting Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Bahagian II membentok sa-buah Majlis yang tunggal bagi ahli<sup>2</sup> perubatan yang di-namakan Majlis Perubatan Malaysia. Majlis ini akan mengandongi 18 orang Ahli yang mewakili doktor<sup>2</sup> dari Sabah, Sarawak, Malaysia Barat dan Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia ada-lah menjadi Yang di-Pertua-nya dan Pengarah<sup>2</sup> Perkhidmatan Perubatan, Sabah dan Sarawak ada-lah menjadi ahli<sup>2</sup> ex-officio-nya. Semua ahli<sup>2</sup> Majlis tersebut mesti-lah warganegara Malaysia.

Bahagian III ada-lah mengenai proses dan perakuan dan pendaftaran pengamal<sup>2</sup> perubatan. Ada dua jenis pendaftaran—pendaftaran sementara dan pendaftaran penoh. Pendaftaran sementara ada-lah di-berikan semata<sup>2</sup> dengan tujuan untuk memberikan pengalaman sa-bagai houseman; di-akhir tempoh penamatan housemanship itu ia-itu

sa-tahun pegawai<sup>2</sup> perubatan berhak untuk pendaftaran penuh. Kelayakan bagi pendaftaran ada-lah bergantung kepada kelulusan<sup>2</sup> perubatan.

Walau bagaimana pun, ada juga peruntukan dalam undang<sup>2</sup> bagi pendaftaran penuh di-mana Menteri, sa-telah menghubungi Majlis ada-lah berpuas hati bahawa kelayakan<sup>2</sup> tersebut ada-lah mencukupi, tetapi terta'alok kepada sekatan<sup>2</sup> dan syarat<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-rasakan perlu oleh Menteri, sa-telah menghubungi Majlis.

Bahagian IV Rang Undang<sup>2</sup> ini menyenaraikan bidang kuasa tata tertib Majlis dan keadaan<sup>2</sup> di-mana Majlis boleh menjalankan bidang kuasa tata tertib-nya dan jenis<sup>2</sup> hukuman yang boleh di-kenakan.

Bahagian V Rang Undang<sup>2</sup> ini menyenaraikan kesalahan<sup>2</sup> berhabit dengan pengamal<sup>2</sup> perubatan dan amalan perubatan. Mithal-nya di-bawah peruntukan ini sa-orang tidak boleh mengambil atau menggunakan istilah<sup>2</sup> "dokter" atau "klinik" atau "dispensari" atau "hospital" di-dalam apa<sup>2</sup> bahasa pun yang bertujuan untuk menggalakkan sebarang orang supaya memperchaya<sup>2</sup> bahawa si-pengguna istilah<sup>2</sup> ini ada-lah sa-orang yang berkelayakan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut chara sains yang moden.

Walau pun beberapa sekatan dan tegahan telah di-kenakan kepada pengamal<sup>2</sup> bumiputera, sama ada ia-nya sa-orang dukon Melayu atau sinseh China atau pun India atau lain<sup>2</sup> bangsa, Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak menghalang hak sa-saorang untuk menjalankan amalan atau meminta nasihat dari mereka<sup>2</sup> yang mengamalkan chara<sup>2</sup> menyembuhkan penyakit mengikut chara<sup>2</sup> bumiputera melainkan dalam kes<sup>2</sup> penyakit mata manusia. Malah dalam hal ini pun Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak menghalang sa-saorang yang tidak berdaftar kan sa-bagai pengamal perubatan yang berdaftar dari mengaku<sup>2</sup> diri-nya sa-bagai berke-layakan, berkebolehan atau sanggup untuk menguji perbiasaan (refraction), ketajaman penglihatan dan penglihatan warna atau untuk membuat atau memberi chermin mata bagi mengubati kechachatan penglihatan. Oleh yang demikian bahagian ini pada kesan-nya menjamin persaimbangan keadilan di-antara hak<sup>2</sup> pengamal<sup>2</sup> berdaftar ya'ani doktor<sup>2</sup> mata yang ada bertauliah dan pengamal<sup>2</sup> ubat bumiputera di-satu pihak, dan di-satu pihak yang lain hak orang awam untuk

membuat pilihan di-antara kebolehan yang di-tawarkan oleh pengamal<sup>2</sup> berdaftar dan kebolehan pengamal<sup>2</sup> ubat bumiputera.

Satu peruntukan besar ada-lah terkandung di-dalam Bahagian VII Ordinan (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat di-mana doktor<sup>2</sup> ada-lah di-kehendaki untuk berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama dua tahun. Di-bawah peruntukan ini, semua orang yang di-daftarkan penuh mula<sup>2</sup> 2hb Januari tahun ini akan diberi satu notis yang menghendaki orang<sup>2</sup> sa-umpama itu memegang perlantekan sa-bagai doktor dalam perkhidmatan awam dalam Kerajaan dan kegagalan untuk mematuhi keperluan ini ada-lah satu kesalahan dan doktor<sup>2</sup> itu akan di-buangkan nama-nya dari Daftar. Peruntukan ini telah di-buat untuk menampung kekurangan doktor<sup>2</sup> dalam perkhidmatan awam bagi memenuhi kehendak<sup>2</sup> perkhidmatan perubatan dan kesihatan untuk ra'ayat di-Malaysia ini.

Tempat<sup>2</sup> tidor di-hospital telah bertambah semenjak 1957 dari 20,337 kepada 27,226 dalam tahun 1967 ini. Dalam masa yang sama, bilangan pesakit<sup>2</sup> luar yang datang ka-hospital<sup>2</sup>/klinik<sup>2</sup> telah bertambah sa-banyak 80% dan bilangan pesakit<sup>2</sup> yang masuk ka-hospital bertambah sa-banyak 75%. Sementara kehendak<sup>2</sup> perkhidmatan telah bertambah, tambahan bilangan pegawai<sup>2</sup> perubatan dalam perkhidmatan Kerajaan ada-lah hampir<sup>2</sup> tiada.

Rancangan Kerajaan meluaskan perkhidmatan kesihatan luar bandar semenjak tahun 1958, yang melibatkan pembenaan rangkaian Pusat<sup>2</sup> Kesihatan, Pusat<sup>2</sup> Kesihatan Kecil dan klinik<sup>2</sup> bidan untuk menyediakan perkhidmatan menchegeh dan mengubat kepada penduduk<sup>2</sup> luar bandar telah menambahkan bilangan doktor<sup>2</sup> yang di-kehendaki sa-lanjut-nya.

Kerajaan telah melancarkan dari masa ka-masa projek<sup>2</sup> khas yang bertujuan untuk mengawal atau menghapuskan penyakit<sup>2</sup> berjangkit yang lazim. Projek<sup>2</sup> ini termasuklah projek membasmi malaria, kempen anti penyakit tibi, rancangan mengawal penyakit kusta, rancangan pelali dan projek kesihatan di-sekolah. Doktor<sup>2</sup> ada-lah di-kehendaki dengan segera bagi projek<sup>2</sup> ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah jelas sekarang bahawa Rang Undang<sup>2</sup> di-hadapan Dewan pada hari ini ada-lah hasil dari keperluan. Kekurangan doktor<sup>2</sup> telah lama merupakan satu masaaalah kepada Kerajaan

dan melainkan jika masalah<sup>2</sup> ini di-atasi, pelaksanaan rancangan<sup>2</sup> perubatan dan kesihatan pertama sa-kali dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua yang telah di-luluskan dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan ini akan terbantut dan merupakan satu kesulitan untuk mencapai persaimbangan pembahagian kemudahan<sup>2</sup> di-antara kawasan<sup>2</sup> bandar dan luar bandar. Walau pun Kerajaan telah mengambil doktor<sup>2</sup> dari negeri<sup>2</sup> di-seberang laut, saya mesti tegaskan bahawa ini ada-lah merupakan satu langkah sementara sahaja dan ada-lah melibatkan banyak kesulitan. Dalam jangka waktu panjang-nya, ada-lah wajar bagi negara mengatasi masalah kekurangan doktor ini sendiri.

Sa-bagai menggulung-nya, Rang Undang<sup>2</sup> di-hadapan Dewan ini ada-lah sa-suatu yang penting. Tujuan-nya ada-lah adil terhadap mereka<sup>2</sup> yang terlibat dengan-nya—adil kepada ahli<sup>2</sup> perubatan yang mana merupakan asas-nya, menguatkan dan membaharui perjalanan pengamalan perubatan termasuk-lah perakuan terhadap kelayakan<sup>2</sup>; adil kepada mereka<sup>2</sup> yang menjalankan amalan lain<sup>2</sup> sistem mengubat yang di-benarkan oleh undang<sup>2</sup> ini untuk menjalankan amalan mereka, sa-lai sistem<sup>2</sup> mereka *bona fide* dan tidak merupai chara pengubatan yang di-amalkan di-Barat; adil kepada mereka yang terlibat dengan Bahagian VII kerana mereka ada-lah di-jamin menerima pekerjaan dengan bayaran gaji yang baik daripada Kerajaan sa-kurang<sup>2</sup>-nya untuk sa-lama dua tahun dan akhir-nya adil kepada orang ramai kerana mereka sekarang dapat memastikan perkhidmatan yang akan di-berikan oleh doktor<sup>2</sup> bagi mematohi chita<sup>2</sup> Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup dan kesihatan mereka. Ada-lah penting bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini di-jadikan undang<sup>2</sup>, tetapi ini tidak-lah berm'ana bahawa undang<sup>2</sup> ini akan di-jalankan dengan keras dan tanpa belas kasehan. Sa-kira-nya negara akan memperoleh keuntongan yang besar dan ini akan dapat di-rasai oleh tiap<sup>2</sup> orang dan tiap<sup>2</sup> Bahagian negara kita bagi beberapa keturunan yang akan datang.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak berucap sedikit menyatakan sokongan penoh terhadap Rang Undang<sup>2</sup> ini dan menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kepada Menteri

Kesihatan yang telah pun mengambil langkah yang begitu tegas untuk mengadakan satu undang<sup>2</sup> yang lebeh kemas yang di-tujukan bagi mengatasi kekurangan<sup>2</sup>, sama ada kekurangan doktor di-hospital<sup>2</sup>.

Saya suka-lah juga menyatakan beberapa perkara dalam Dewan ini berkenaan dengan keadaan<sup>2</sup> kesihatan ra'ayat di-negeri ini. Yang pertama sa-kali suka-lah saya menyebutkan tentang layanan di-hospital<sup>2</sup> yang ada pada masa ini jikalau di-bandingkan dengan layanan<sup>2</sup> yang di-berikan di-masa yang lalu dapat-lah saya katakan bahawa layanan yang di-beri pada masa ini ada-lah lebeh baik lagi. Tetapi satu perkara yang maseh nampak oleh saya ia-itu pesakit<sup>2</sup> di-antara yang di-dalam ward bayar dengan yang tidak membayar itu kadangkala ada juga perbezaan<sup>2</sup> yang mereka alami. Ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah rasa saya itu tujuan saya menyebut perkara ini sengaja hendak mengecham pehak<sup>2</sup> mentadbirkan hospital, kerana saya sendiri pun pernah dudok dalam Lembaga Pelawat dan saya tahu benar-lah bagaimana sibok-nya kerja<sup>2</sup> dan tugas<sup>2</sup> yang di-buat oleh mereka<sup>2</sup> yang ada berkaitan di-hospital itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di-sa'at kita sudah menuju ka-araf satu zaman kemajuan di-masa ini, rasa saya sudah patut-lah kalau kira-nya pesakit<sup>2</sup> dari luar itu dapat-lah kira-nya diberi layanan dengan chepat, kerana mereka<sup>2</sup> ini ada kala-nya ia-lah mereka<sup>2</sup> yang datang itu terdiri dari orang<sup>2</sup> miskin dan tidak ada mempunyai wang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Ahli Yang Berhormat akan menyentoh perkara<sup>2</sup> yang di-bangkitkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini. Jikalau hendak menyentoh perkara 'am, saya akan benarkan sa-chara sa-pintas lalu sahaja.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam mengatasi soal kedoktoran ini, rasa saya ini-lah satu langkah yang akan memberi kesihatan yang baik kerana pada masa ini kekurangan doktor ini-lah barangkali yang menjadi satu puncha besar yang menyebabkan kesihatan orang<sup>2</sup> di-luar bandar mithal-nya, kesihatan anak<sup>2</sup> tidak dapat diperbaiki. Maka dengan kerana itu, saya berharap-lah, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya limited scope yang di-berikan dari segi menyentoh hal<sup>2</sup> 'am ini dapat-lah pehak Kementerian Kesihatan mengambil langkah<sup>2</sup>



lagi supaya dapat-lah kira-nya apa juga yang bersangkutan dari segi hendak memperbaiki kesihatan ra'ayat akan dapat lagi di-luaskan oleh Kementerian Kesihatan di-masa hadapan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak memberi ucapan di-atas sokongan saya kepada undang<sup>2</sup> ini, tetapi chuma hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, sebab dalam masa ucapan itu dia ada berkata sangat-lah susah bagi Kerajaan hendak memenohi kehendak negara kita hari ini bagi menchukopkan perkhidmatan kedoktoran ini di-keseluruh negara kita hari ini. Jadi kalau ini-lah masalah dan problem bagi negara kita ini, maka tidak-kah terfikir oleh Kementerian berkenaan untuk menggalakkan kemasokkan doktor<sup>2</sup> dari luar dengan chara persendirian untuk membukakan hospital<sup>2</sup> bersendirian sa-bagaimana yang ada Hospital Assunta dan lain<sup>2</sup> lagi yang mana kalau sa-kira-nya kita boleh galakkan modal luar untuk bukan perusahaan, kenapa ta' boleh kita galakkan modal luar untuk membuka hospital<sup>2</sup> memberi perkhidmatan kepada pesakit<sup>2</sup> yang ada ini. Ada-kah tidak terlintas di-hati Kementerian yang berkenaan satu kaedah lain yang berlainan daripada kaedah biasa, ia-itu kaedah kita ambil doktor daripada Universiti Malaya, kita ambil doktor daripada India, kita gaji dia, kita beri kontrek kepada dia tetapi ta' terfikir bagi kita menggalakkan mereka ini datang ka-negeri kita—buka hospital di-sini, memberi perkhidmatan chara bayaran kepada mereka yang berkehendakkan kepada perubatan dengan chara bayaran umpamanya. Barangkali banyak orang yang terfikir kalau dia buka hospital di-India umpamanya, dia ta' dapat hasil yang baik dengan kelulusan yang ada itu, dia datang ka-Malaysia ini buka hospital, dia bawa doktor daripada India dengan gaji yang ta' begitu mahal untuk mendapatkan bayaran<sup>2</sup> yang baik, barangkali ini satu chara bagi memberi kemudahan kedoktoran kepada negara kita ini. Sakian sahaja pertanyaan saya.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong saperti Ahli<sup>2</sup> lain yang telah bangun menyokong juga Rang Undang<sup>2</sup> yang di-hadapan kita sekarang ini. Pada dasar-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah sangat baik sa-bagai satu

langkah permulaan sa-bagai mengemaskan chara<sup>2</sup> pentadbiran dan hal<sup>2</sup> yang bersangkutan dengan perubatan di-Malaysia ka-araf yang lebeh chemerlang pada masa hadapan.

Saya menguchapkan tahniah kepada pehak Kerajaan yang nampak-nya memang sangat mengambil berat terhadap kesihatan umum bagi seluroh ra'ayat dan saya bersimpati dengan pehak Kerajaan tentang kekurangan<sup>2</sup> doktor yang menyebabkan Menteri Kesihatan kita selalu dalam penderitaan jiwa. Sa-benar-nya kekurangan doktor yang kita hadapi ada-lah satu masalah yang kita sedar bersama oleh kerana dasar<sup>2</sup> yang telah berjalan sa-belum kita merdeka, dan oleh kerana tidak ada-nya universiti dan tidak ada-nya Fakulti Perubatan bagi kita kechuali ada di-Singapura pada masa yang lalu, maka jumlah pengeluaran doktor itu terlalu kurang yang menyebabkan kita menderita. Apa-tah lagi sa-sudah merdeka hajat<sup>2</sup> kita untuk memberi kesihatan yang sa-baik<sup>2</sup> dan perkhidmatan kesihatan yang baik di-seluruh negara tidak menchukopi kerana kekurangan doktor.

Langkah Kerajaan yang menerima doktor daripada beberapa negeri luar sa-chara kontrek ada-lah satu langkah yang bijak bagi mengatasi masalah ini, akan tetapi jumlah yang datang dan jumlah yang pergi kerana tamat kontrek dan jumlah yang berhenti kerana mahu membuka perusahaan sendiri daripada warganegara Malaysia menunjukkan dari tahun ka-tahun kekurangan doktor itu tetap berlaku.

Pada hemat saya, kalau ra'ayat Malaysia khusus-nya mempunyai kesedaran yang tinggi dan rasa tanggung-jawab yang penoh terhadap negara, kita tidak begitu merasa terlalu berat dalam kekurangan doktor ini. Malang-nya oleh kerana kurang-nya rasa tanggung-jawab, lebeh perasaan mementingkan menchari wang dan ini saya terdengar dengan telinga saya sendiri beberapa orang penuntut<sup>2</sup> dari negara kita yang akan keluar negeri untuk mengambil ilmu perubatan yang menerangkan sa-sudah tamat ini-lah chara yang paling baik sa-kali dengan ilmu kedoktoran—how to make money. Jadi, mentality-nya dari awal maseh anak<sup>2</sup> lagi, maseh hendak ka-sekolah, sudah berfikir “how to make money, easy to make money”, bila balek, kalau sempat bekerja kerana menchari sedikit pengalaman di-dalam hospital<sup>2</sup> Kerajaan belum beberapa

waktu, mereka sudah bersedia untuk melarikan diri kerana menchari wang. Oleh kerana kekurangan doktor akibat dari perkara<sup>2</sup> yang sa-macam ini kita terpaksa meminta doktor<sup>2</sup> luar negeri berkhidmat di-negeri kita. Kemudian kebanyakan doktor<sup>2</sup> yang di-datangkan dari luar negeri atas hasil kon-trek maka di-tempatkan di-luar bandar, sebab kita sedar doktor<sup>2</sup> dari negeri kita yang mahu berkhidmat dengan Kerajaan kita ta' berapa senang hati kalau di-hantar ka-luar<sup>2</sup> bandar, ka-daerah<sup>2</sup> pekan<sup>2</sup> kecil, terpaksa kita kirim doktor<sup>2</sup> yang kon-trek itu berkhidmat di-luar<sup>2</sup> bandar kechuali specialist yang di-tempatkan di-kota<sup>2</sup> dan ini juga menunjukkan satu kesan bahawa para doktor kita daripada bangsa kita sendiri, bangsa Malaysia kurang mempunyai tang-gong-jawab dan tidak sanggup memikul tanggong-jawab.

Penyakit ini ada juga pada guru<sup>2</sup> yang selalu tersiar dalam akhbar<sup>2</sup> dan penyakit ini mesti-lah di-ubatkan supaya kesedaran dan tanggong-jawab itu timbul bersama<sup>2</sup> dan perkara<sup>2</sup> yang sa-macam ini dapat kita atasi pada masa hadapan. Mengenai kekurangan doktor yang sekarang Kerajaan telah mengadakan peratoran, ia-itu sa-tiap yang tamat dan lulus daripada pengajian kedokteran harus berkhidmat tidak kurang dari dua tahun dengan Kerajaan. Pada hemat saya masih rendah, paling kurang patut tiga tahun, tetapi kerana telah di-tetapan untuk sa-lama dua tahun mesti berkhidmat. Itu satu langkah yang baik yang terpaksa di-buat kerana keadaan memaksa berbuat begitu.

Dalam memperkatakan soal doktor kurang atau tidak kurang negara memerlukan doktor<sup>2</sup> kerana warganegara memerlukan rawatan daripada doktor. Penduduk Malaysia pukul rata lebih kurang hampir sama perempuan dan laki<sup>2</sup>, wanita atau pria, sebab itu sa-boleh<sup>2</sup>-nya Kerajaan harus mempunyai daya-utama untuk mendapatkan sa-banyak<sup>2</sup> doktor dari kaum wanita yang di-anggarkan sa-padan dengan percentage penduduk<sup>2</sup> Malaysia. Kerana saya rasa dari segi moral sa-orang perempuan, sa-kali pun dalam pandangan Islam, perempuan yang sakit terpaksa dan harus di-izinkan oleh suami-nya untuk di-rawat oleh dukun laki<sup>2</sup> atau doktor laki<sup>2</sup>, tetapi pemerintah yang bertanggung-jawab, Kerajaan yang bertanggung-jawab terhadap ra'ayat sa-bagai bapa kapada anak<sup>2</sup> harus mempunyai initiative

memperbanyakkan doktor<sup>2</sup> perempuan, kerana penyakit<sup>2</sup> perempuan bukan sahaja sakit puan, itu sakit khusus, sakit<sup>2</sup> yang lain juga ada lebih baik di-pereksa oleh doktor perempuan sendiri. Apa-tah lagi apa yang di-katakan istilah baharu sakit puan wajib pada pandangan saya di-pereksa oleh doktor perempuan sendiri yang specialist. Kalau tiada, oleh kerana memang tidak dapat di-ikhtiarkan, apa boleh buat, itu harus, tetapi kalau kita boleh ikhtiar, tetapi sengaja kita tidak mahu ikhtiar memasukkan doktor<sup>2</sup> specialist dalam hal sakit puan, maka sengaja kita membiarkan, menimbulkan fitnah dan rasa tidak senang di-kalangan manusia yang bermaruah.

Berlaku peristiwa<sup>2</sup> yang tidak di-cheritakan, dan tidak sanggup di-muat dalam surat<sup>2</sup> khabar dan tidak sanggup di-kirim petition dalam perkara<sup>2</sup> perempuan<sup>2</sup> menemui doktor laki<sup>2</sup>. Saya tahu beberapa nama doktor—bukan semua doktor—beberapa nama doktor yang di-sampaikan ma'lumat-nya kapada saya, kerana perbuatan<sup>2</sup> yang tidak sopan dalam masa menjalankan tugas-nya, tetapi tidak menasabah dan sama sa-kali tidak patut untuk saya membuka perkara yang telah berlaku dan menceritakan nama<sup>2</sup> beberapa doktor yang saya mendapat tahu. Untuk mengelakkan ini sementara kita dapat specialist<sup>2</sup> perempuan untuk merawat penyakit<sup>2</sup> perempuan bagi golongan kaum wanita hendak-lah menjadi satu peratoran tetap, sa-tiap doktor yang akan merawat sa-orang perempuan mesti-lah jururawat perempuan itu tidak meninggalkan tempat rawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-boleh<sup>2</sup>-nya saya mengharapkan dengan Kerajaan akan memikirkan sunggoh<sup>2</sup> menambahkan jumlah specialist<sup>2</sup> dalam hal sakit puan dari golongan doktor<sup>2</sup> perempuan dan menggalakkan sa-banyak<sup>2</sup>-nya penuntut<sup>2</sup> kita dari golongan wanita mengambil dalam bahagian ilmu kedokteran supaya kita dapat menambah jumlah doktor<sup>2</sup> wanita sa-kira<sup>2</sup> sampai 50% kerana biasa-nya pukul rata 50% penduduk sa-sabuah negara itu ada-lah perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya berchakap tentang Rang Undang<sup>2</sup> ini, izinkan-lah saya menyentuh perkara yang sangat berat, saya rasa, yang patut saya ambil peluang dalam perbahathan ini, ia-itu dalam kita memperkatakan soal hospital<sup>2</sup> dan doktor<sup>2</sup> dan soal penyakit beberapa kekurangan hospital masih terdapat khususnya di-Kelantan. Hospital Kota Bharu yang

di-bena sa-belum perang penoh sesak dengan pesakit<sup>2</sup> sa-hingga tempat tidor yang di-letak di-kiri kanan dalam wad itu terpaksa sekarang di-tambah di-tengah<sup>2</sup>-nya penoh dengan bed lagi. Ini menyebabkan terpaksa sebok sa-hingga orang yang hendak bekerja ini pun terpaksa bersusah payah hendak lalu di-chelah<sup>2</sup> katil yang bersesak<sup>2</sup> di-dalam wad itu. Bila kita menggalakkan ra'ayat supaya pergi ka-hospital dan ra'ayat telah mengambil kesempatan itu, kita harus fikirkan, jangan-lah kerana Kelantan itu Kelantan, maka mahu di-luar terus. Sungutan ini terlalu lama. Bahkan dalam Dewan Ra'ayat baharu<sup>2</sup> ini juga Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmed Kamil telah menimbulkan perkara ini supaya menambah hospital di-Machang. Kota Bharu harus mempunyai sa-buah hospital yang menasabah. Pasir Mas harus mempunyai hospital kecil. Machang harus mempunyai hospital, kerana penduduk<sup>2</sup> di-Kelantan telah meningkat hampir<sup>2</sup> lebih kurang 800,000 orang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, baharu<sup>2</sup> ini dan di-dalam dewan ini juga Yang Berhormat Menteri menyebutkan soal pengemasan<sup>2</sup> chara susunan dan sa-bagai-nya, sebab itu di-adakan Rang Undang<sup>2</sup> Perubatan ini dalam semua perkara perubatan akan disentuh termasuk penyakit malaria, penyakit ontot dan sa-bagai-nya. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri mengikut keterangan sa-orang doktor nyamok<sup>2</sup> malaria di-sempadan Thailand dengan Malaysia yang selalu datang makan angin di-Pahang, di-Trengganu dan di-Kelantan konon-nya dia berbeza dan lebih merbahaya daripada nyamok<sup>2</sup> di-bahagian Pulau Pinang sampai bawa ka-selatan. Kira-nya benar begitu, apakah bala-tentera yang telah di-kirinkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ka-Kelantan dalam usaha membasmi malaria itu mempunyai senjata<sup>2</sup> yang chukup dan sesuai untuk melawan nyamok<sup>2</sup> jenis yang berbeza itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini menyentuh tentang bagaimana tiap<sup>2</sup> usaha perubatan itu harus di-daftar dan sa-bagai-nya dan pemerintah boleh membatalkan pendaftaran jika berlaku sa-barang kesalahan. Dalam hal ini, saya suka hendak memberi pandangan saya di-dalam negara kita ini sejak dahulu telah mempunyai medical hall ia-itu kedai<sup>2</sup> yang menjual berbagai jenis ubat, beranika ragam ubat terjual di-kedai<sup>2</sup> ubat yang di-katakan medical hall. Biasa-nya orang yang menjual ubat<sup>2</sup> di-kedai<sup>2</sup>

ubat itu tidak mengetahui tentang penyakit, kechuali beberapa orang yang datang ka-kedai ubat dengan membawa surat doktor, kerana menchari nama<sup>2</sup> ubat. Pada am-nya orang<sup>2</sup> yang pergi ka-kedai ubat kerana sakit kepala, atau kerana sakit itu, kerana sakit ini; terus di-beri tahu: sakit kepala, sakit telinga, sakit apa<sup>2</sup>, di-beri-lah ubat yang kata-nya ini ubat bagus. Sebenar-nya ini boleh. membawa akibat yang burok, sebab itu apabila Kerajaan mahu mengawal, pada hemat saya sudah sampai masa-nya sa-tiap kedai<sup>2</sup> yang menjual ubat harus di-anggap sa-bagai drug store, kedai<sup>2</sup> yang mempunyai ubat drug begitu harus mereka mempunyai sa-orang sa-kurang<sup>2</sup>-nya orang yang mengerti tentang pembahagian ubat sa-bagai syarat untuk membuka perniagaan yang sa-umpama itu. Sa-tiap orang yang tidak menjumpai doktor, banyak orang yang tidak berjumpa doktor kerana mesti bayar empat lima ringgit, orang ini akan datang ka-kedai ubat, bila memberitahu penyakit itu, orang yang mengetahui hal<sup>2</sup> mengenai sakit dan ubat, yang bekerja di-kedai itu, dia dapat mengikuti dan memberi ubat yang menasabah dan tidak-lah terzalim ra'ayat yang harus membayar sedikit wang kerana mereka itu miskin dan mempunyai sedikit wang, tetapi mesti membayar kerana membeli sedikit ubat sedangkan ubat itu menambahkan penyakit kapada mereka, atau pun menimbulkan penyakit<sup>2</sup> yang lain kemudian daripada itu. Saya kira kalau Kerajaan dapat bertindak sa-macam itu, kita dapat mengawal penjualan ubat<sup>2</sup> yang menasabah kapada orang yang kena satu penyakit, sesuai dengan ubat yang di-beli-nya.

Di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini juga menyebutkan Kerajaan akan bertindak mengawal terhadap perubatan<sup>2</sup> sa-chara asli dari bumiputra dan orang Melayu atau pun juga sinseh China dan sa-bagai-nya. Itu ada-lah satu langkah yang di-dalam ini tidak menyebutkan-nya. Ma'af, tidak mengawal, erti-nya membebaskan kechuali siapa yang chuba hendak mengubat mata. Erti-nya mengubat mata boleh merosakkan lagi. Sebab itu yang lain<sup>2</sup>-nya boleh, kechuali mata. Saya kira Majlis Perubatan ini kalau boleh memikirkan, Kementerian Kesihatan juga, kalau boleh memikirkan, bukan sahaja membebaskan orang<sup>2</sup> Melayu dan orang<sup>2</sup> Asli, orang<sup>2</sup> bumiputra dan sinseh<sup>2</sup> China dan sa-bagai-nya menguruskan perubatan mereka yang di-anggap tidak merbahaya kerana itu traditional, tetapi harus di-adakan

pula research, Badan Pengkajian ubat<sup>2</sup> yang di-gunakan oleh orang<sup>2</sup> itu, baik orang Melayu atau orang<sup>2</sup> Iban atau orang<sup>2</sup> apa juga kerana akar<sup>2</sup> kayu atau daun<sup>2</sup> kayu yang mereka gunakan untuk perubatan, yang kita anggap tidak apa, tidak perlu di-kawal, mungkin mempunyai khasiat<sup>2</sup> yang besar, yang baik, sesuai dengan iklim tanah ayer kita sendiri untuk mengubati penyakit<sup>2</sup> dalam negara kita sendiri kerana itu di-buat research, di-buat kajian, jikalau ubat<sup>2</sup> dan ramuan<sup>2</sup> itu menasabah, yang perlu hanya di-modenkan, di-jadikan pil, di-jadikan mixture dan sa-bagai-nya untuk mengubat orang sakit. Jadi, dengan itu erti-nya kita dapat mengurangkan impot ubat<sup>2</sup> dari luar. Kadang<sup>2</sup> ubat yang boleh di-dapati dalam negeri kita ada lebih baik bagi manusia yang hidup dalam negeri kita ini, chuma kita tidak mengadakan penyiasatan, yang bersungguh<sup>2</sup>. Jadi, saya harap ini juga harus di-kaji. Dengan pengkajian itu kita dapat menyelamatkan foreign exchange kita. Sekian, terima kaseh.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh Rang Undang<sup>2</sup> Perubatan ini, tetapi saya berasa tidak sedap badan sedikit, sebab saya ada satu perkara yang ragu<sup>2</sup>. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri kita ini ada-kah beliau tahu bahawa ada beratus<sup>2</sup> orang yang tidak berkelulusan doktor, tetapi membuat kerja sa-bagai doktor di-luar bandar sekarang ini. Mereka itu ia-lah dresser<sup>2</sup> yang telah bekerja dua puluh tahun, tiga puluh tahun dan bersara daripada Kerajaan atau estate, kemudian di-buka kedai di-kampong<sup>2</sup>, menjual ubat. Bila sakit demam mereka pergi berjumpa doktor<sup>2</sup> ini. Saya tahu banyak ada orang<sup>2</sup> yang sa-macham ini. Mengikut undang<sup>2</sup> ini jikalau di-jalankan terus berma'ana orang ini tidak-lah boleh di-daftarkan dalam ini kerana mereka itu tidak ada kelulusan doktor, tetapi mereka itu sudah ada kebiasaan bekerja di-hospital, despinsary dan lain<sup>2</sup> berpuluh<sup>2</sup> tahun. Bagi diri saya, kalau saya tengok orang itu, saya berani panggil sa-tengah doktor oleh sebab kebiasaan-nya. Pada segi saya, kalau orang itu kita hapuskan semua, yang pertama kasehan kepada mereka, kerana pencharian mereka itu, boleh di-katakan potong terus.

Yang kedua, saya kasehan kepada orang kampong kerana saya tahu baik<sup>2</sup>, kalau orang<sup>2</sup> ini duduk di-kampong, sungguh pun bukan doktor, tetapi bekerja sa-bagai doktor.

Apabila orang kampong pergi minta ubat sakit, mereka charge sedikit sangat, lebih kurang \$2.00. Jadi, pendek-nya dengan murah charge dia bagi mixture demam-kah kadang<sup>2</sup> baik. Jadi, kerana itu berguna-lah kepada orang<sup>2</sup> kampong. Jikalau kita hapuskan orang ini semua, maka terpaksa-lah orang<sup>2</sup> kampong kena pergi ka-pekan, jumpa doktor, doktor yang bagus macham Dr Cheah Toon Lok di-sini. Kalau pergi ka-pekan ma'ana-lah sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-orang itu di-charge \$5.00, apa lagi tambang dia daripada kampong ka-pekan pula; sudah jadi \$6.00, \$7.00. Jadi, itu menyusahkan orang<sup>2</sup> kampong. Jadi, atas kedua<sup>2</sup> timbangan ini, saya fikir patut-lah Kementerian Perubatan beri timbangan, timbang dari mana yang saya nampak, bagini: register orang<sup>2</sup> ini sa-bagai list lain, bukan list doktor, sa-bagai list sa-tengah doktor. Register orang ini sa-bagai satu list yang asli doktor dan benarkan mereka<sup>2</sup> itu bekerja dengan limitation ia-itu limitkan mereka, ta' boleh belah<sup>2</sup>, ta' boleh buat surgery, ta' boleh diagnosis yang susah<sup>2</sup> macham T.B. Katakan, beri mereka buat ubat demam, had itu sahaja pun chukup-lah. Orang<sup>2</sup> kampong yang itu-lah yang mereka sakit, yang lain bukan sakit sangat (*Ketawa*).

Jadi, dengan jalan itu, orang<sup>2</sup> kampong pun ta' susah, boleh dapat kegunaan orang<sup>2</sup> ini dengan harga murah dan kita pun ta' susah hendak hantar doktor ka-kampong<sup>2</sup> kerana kita tahu baik<sup>2</sup>, Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu bahawa doktor<sup>2</sup> kita yang baharu kalau hantar ka-kampong masing<sup>2</sup> tidak mahu, resign terus, sebab itu kita kekurangan doktor, sebab doktor tidak mahu pergi dudok kampong.

Satu perkara lagi dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, saya tengok, dia kata kalau sa-saorang yang menggunakan syringe itu kena-lah pass doktor. Kalau ta' doktor ta' boleh. Saya dapat tahu di-hospital kadang<sup>2</sup> professional nurse, baharu enam bulan bekerja pun dia hentam syringe, chup dia chuchok, macham mana pula (*Ketawa*). Kalau begitu di-hospital ini, kalau ikut macham undang<sup>2</sup> ini kena doktor, tetapi sa-benar-nya bukan doktor, doktor chuma beri arahan. Injek lima c.c atau 10 c.c. Chara hendak injek dia tidak khabar, asal mesti mati. Jadi, sebab itu saya kata orang<sup>2</sup> tadi, yang saya kata tadi, doktor kampong yang ta' ada kelulusan jadi doktor ini, orang itu pun saya tahu baik<sup>2</sup>, mereka buat injection sedikit<sup>2</sup>. Saya ingat diri saya, kalau-lah assistant nurse, enam bulan punya

experience boleh injek, mereka yang 30-40 punya experience saya ingat ta' ada kesa-lahan. Tentu-lah mereka lebeh lagi pengala-man bagaimana hendak injek, sama ada tranquilizer hendak masok dalam uratkah, sama ada hendak dalam daging-kah. Saya sendiri biasa, pada satu masa saya masok hospital, sa-orang dresser, dia injek saya tranquilizer, dia tutoh sampai bengkak sa-kali (*Ketawa*). Tetapi hendak report, takut dia kena buang kerja. Saya senyap, saya-lah yang kena. Ini-lah dua perkara yang saya minta bertanya kapada Menteri ada-kah doktor<sup>2</sup> kampung yang bukan kelulusan doktor ini boleh kita register sa-bagai ahli supaya dapat beliau bekerja dan berguna kapada orang<sup>2</sup> kampung dan ada-kah juga mereka ini boleh pakai syringe macham doktor juga, ia-itu untuk perkara penyakit<sup>2</sup> yang senang<sup>2</sup>. Sekian.

**Dr Lim Ah Sitt:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I am fully in support of this Medical Bill which is now placed before us—DR. 88/71. My only regret is that this Bill is presented a little late, and by saying 'late' I mean a number of lives have already been lost which could probably have been saved if this Bill had been implemented earlier.

I would refer to Clause 32 of the Medical Act, Part V—General—Fradulent Registration, concerning unregistered persons who pose themselves as doctors and as specialists. They are actually quacks, some of them may have undergone a bit of training—in a clinic or somewhere—and they come back, some of them may have even very little knowledge of medicine, but they could bluff people. They behave in such a way and they use instruments. That is what is said here—and I will read—it prohibits them to use sphygmomanometer (blood pressure apparatus) stethoscope, hypodermic syringes and intravenous infusion set; they use a number of drugs, some of which really create havoc and have killed a few patients. There was actually one case in Muar. This case was treated by a so-called quack. I could not give the full particulars because I am not taking up this case but I would just quote that as an instance. This quack has been going from town to town, from kampong to kampong. If he finds that this town knows that he is a quack he will run away to another place and keeps on running, calling himself a "doctor". He will be meeting people in coffee shops showing

them all sorts of instruments and impressing on them that he is a "doctor", he is a "specialist" and people come to see him. I have not seen him myself. I have not reported him because I am a General Practitioner and they will say that I am jealous of him. But this is where we are safeguarding the interest, the lives of the public, and I had wondered why this matter had not been put into the law and I am glad this law is put up now. I hope later on the Health Officers will keep a sharp eye on this type of people. That patient later on died. I think the patient was treated in the Muar Hospital and his condition was so bad—I think his kidneys went bad and he was sent to the General Hospital for some specific treatment. Later on I heard the patient died. But I do not understand why in this case no legal action has been taken against this person. I wish that later on the Health authorities will keep a sharp eye on such persons, any unscrupulous person who tries to impress the public.

I have known a person there—he is perhaps my friend, I could say—but he is running a small dispensary, going about the kampongs with a stethoscope and calling himself a "doctor" and he is also a "Lim" and he says "I am Dr Lim", and patients coming to my dispensary used to say, "Well, that day I met a fellow calling himself Dr Lim, but he is not so old as you" (*Ketawa*). He was selling birth control pills, sex pills and all sorts of pills to the kampong folks and calling himself a doctor with stethoscope and everything. I would like the Health authorities to take severe action on such a person. I am not taking up the case myself, but now since I am a Senator I think it is my duty to point this out because it involves lives and all that and I am very glad that this new Enactment has come out and we must put it strictly into action.

Another aspect is, I must congratulate the Government for setting up this Bill which stipulates a two-year compulsory service after housemanship for doctors and dentists. They should now do public service for 2 years and they must be made to go to the kampongs—not only to towns. I think it is a very good idea, and this will keep these young doctors from going out to do private practice too early. By this I do not mean that because I am a general practitioner, I am afraid there may be competition, but I think it is very bad for young doctors without

experience to come out at this young age and try to make money. It is the time for them to serve the nation first and also to gain experience; and this is a very good move on the part of the Government to keep these people on for a few more years till they gain experience both for the good of the Government and for the service of the country and for themselves. I think there are many aspects if I were to continue, but there are many other speakers. So I think I will stop here.

**Dato' S. O. K. Ubaidulla:** (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di-Pertua, I am indeed very glad that after a long hesitation the Ministry of Health has found it necessary to call for compulsory service of doctors who are registered practitioners to serve two years in the Public Service. Sir, this necessity to require doctors to serve at least two years in the Public Service takes us back to the problem we are facing in this country.

Sir, if my memory is right, it was under the British rule while the Member system was established that we started recruiting doctors from overseas. Then Honourable Member for Public Health and Medical Services, was the late lamented Dr Lim of Penang. Sir 17 years have gone by now; still we are recruiting doctors from overseas. But a nation of our nature which has a limited population of 10 million dollars (*Ketawa*), sorry 10 million people—being a merchant (*Ketawa*)—we could have planned our national requirement of doctors. It takes me back to my speech which I made day before yesterday that there is little dialogue between the academicians and the planners of development. Sir it is easy for me to criticise about what we have not done, but why I criticise now is so that we can do something at least now.

To keep on recruiting doctors for the past 17 years does not speak very well about our planning. I know the reason why the recruitment takes place and I know the reason why the planners failed. It is true that the Ministry knows the exact need of doctors for our services, but when they recruit those doctors suddenly a batch of doctors resign, thereby creating shortage. This, of course, they cannot predict. This is how they are faced with a shortage of doctors. Indeed, during the days of Dr Ng Kam Poh, when he was the Minister of Health, said that we have achieved self-sufficiency in doctors in the Government Services and he even stopped

recruiting doctors and renewing the contract of doctors whose terms had expired. That is true. But suddenly you are faced with the problem of doctors resigning from the Government Service and taking to private practice.

Sir, it is here I want to underline that the national demand and supply is not estimated. Certainly, even in the private sector, the demand is there. If they would not serve in the public sector, they will go to the private sector. If they do not have demand in the private sector, they will come to the public sector. So the overall demand of the nation must be estimated. What is the need of the private sector? What is the need of the public sector? If we can estimate the overall demand of the country of doctors and tune the supply accordingly, this often occurring upsetting will not take place.

Sir, we can certainly make an estimation knowing the affluence of our country. Let me put it like this. For how many persons you need a doctor? For how many persons you need a nurse? For how many persons you need a dresser? This is done by many nations. In Japan, they say for every two thousand persons, there is a doctor, for every five thousand persons, there is a nurse and so on and so forth. This is the estimation of demand and supply of doctors to the need of the country.

This I would like to commend to our Honourable Minister, Tan Sri Haji Sardon, to whom I would like to offer a bouquet for the energetic way he is running the hospitals and the medical services of this country, which I have heard from people and seen with my own eyes. He is doing a yeoman service to the nation.

Sir, about recruitment of doctors, the need has become so great sometimes that we throw the net everywhere. As a result, there are some doctors from certain countries, who, to my mind, would not be able to discharge their duties properly in this country. Their standard of medical knowledge is not one, I would like to say, comparable to the standard that is internationally recognised. Secondly, their language problem. Some of them cannot speak English properly, leave alone speak Malay properly. How, do they communicate between the patients and themselves? Is this a matter of sign language? How does the patient say that "I have got

this sort of pain, that sort of thing". Could it be done by showing the language of the dumb and deaf? No! It is a very serious business. The doctors must be able to talk to this patient in the finer language, the deeper language, and understand his difficulties.

Sir, let us not fulfil the shortage of doctors in the country experimenting on our people. There have been cases of this nature. So we should recruit from countries where the standards are high. We cannot recruit doctors to the gladdening of some nation and to the saddening of our own people. I say this in all seriousness, Sir, that the doctors whom we recruit for our need, if we should recruit, let us recruit from countries where the standard is really good.

Finally, Sir, I would agree with my friend, Honourable Senator Amaluddin bin Darus that lady doctors should also be sufficiently recruited. We are an eastern people—our ladies, whether they are of this religion or that religion, would like to be examined by lady doctors and there have been cases where for the want of lady doctors, some people would not use our hospitals. But at the same time, I would like to request the Honourable Minister not to recruit too many lady doctors also because some of the men would refuse to be examined by lady doctors. (*Ketawa*). Thank you very much.

**Tuan Abdullah bin Dato' Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Dato' S. O. K. Ubaidulla, berkenaan dengan mengambil doktor<sup>2</sup> di-luar negeri. Sudah saya dengar daripada doktor<sup>2</sup>, kawan<sup>2</sup> saya mengatakan ada doktor<sup>2</sup> yang telah di-ambil dari luar negeri yang darjah-nya amat kurang dan ada masa-nya menunjukkan kekurangan pengetahuan sa-bagai doktor. Saya perhati di-dalam Jadual Akta ini diterangkan sekolah<sup>2</sup> doktor yang di-akuī oleh Kerajaan kita, dan saya perhati ada sa-buah negeri yang banyak sekolah<sup>2</sup> doktor-nya yang telah di-akuī. Saya berasa puas hati banyak sekolah<sup>2</sup> doktor di-negeri itu standard-nya tidak-lah memuaskan dan tidak chukop tinggi dan doktor<sup>2</sup> yang keluar daripada sekolah<sup>2</sup> itu yang telah di-ambil bekerja dengan Kerajaan kita telah tidak memberi pekerjaan yang memuaskan. Saya tidak tahu ada-kah perakuan yang ada dalam Jadual Akta ini telah di-siasat dengan teliti standard-nya sekolah<sup>2</sup> doktor di-negeri yang saya katakan tadi.

Saya perchaya semenjak negeri itu menda-pat kemerdekaan standard sekolah<sup>2</sup> kedok-toran-nya, sudah banyak menurun dan kurang baik. Saya minta-lah kalau boleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan meneliti lagi standard sekolah<sup>2</sup> doktor di-negeri ini yang boleh saya namakan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Jadual Akta ia-lah India. Saya dapati sekolah<sup>2</sup> doktor di-India yang di-akukan dalam Jadual Akta ini, lebeh daripada sekolah<sup>2</sup> doktor di-Amerika. Dan sa-tahu saya kebanyakan sekolah<sup>2</sup> doktor di-negeri India standard-nya ada-lah kurang tinggi. Jadi saya minta-lah Yang Berhormat Menteri Kesihatan meneliti lagi jadual itu dan kalau mustahak mengurangkan sekolah<sup>2</sup> doktor yang di-akuī dari India.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya suka menarek perhatian Dewan ini ia-lah sekshen berkenaan dengan doktor yang telah di-registerkan, mengarahkan mereka bekerja dalam Kerajaan sa-lama 2 tahun. Sekshen ini di-hadkan kepada doktor<sup>2</sup> general practitioners, doktor yang baharu mendapat kelulusan daripada sekolah doktor. Sekshen ini tidak-lah mengenai specialist<sup>2</sup> yang telah di-hantar oleh Kerajaan, telah di-belanjāi oleh Kerajaan untuk mendapat kelulusan yang lebeh tinggi di-dalam speciality kedokteran saperti surgery, gynaecology, ear, nose dan lain<sup>2</sup> juga. Kebanyakan mereka itu di-hantar ka-luar negeri untuk mendapat kelulusan tinggi dan apabila mereka itu balek, sudah di-belanjāi oleh Kerajaan dengan sa-bagitu banyak, telah bekerja dengan tidak sa-berapa lama, telah berhenti daripada pekerjaan dan menjadi private practitioners dalam bahagian specialist. Jadi bukan sahaja kekurangan di-dalam Kementerian Kesihatan ini terhad kepada general practitioners, kekurangan itu ada juga di-dalam bahagian specialist.

Jadi apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil oleh Menteri Kesihatan supaya specialist<sup>2</sup> ini dapat kita tahan bekerja dengan Kerajaan sa-kurang<sup>2</sup>-nya lima tahun sa-lepas dia mendapat kelulusan tinggi itu.

Lagi satu masaalah berkenaan dengan kekurangan specialist ini yang sa-tahu saya dan yang telah di-terangkan kepada saya oleh specialist<sup>2</sup> ia-lah kebanyakan mereka apabila telah mendapat speciality-nya, dan balek ka-tanah ayer mendapati tiada superscale yang di-untokkan kerana mereka itu.

Jadi ini satu perkara yang tidak memuaskan hati specialist<sup>2</sup> yang telah balek ka-negeri

kita. Kata-nya mereka balek di-beri kerja sa-bagai Time Scale Officer, kadang<sup>2</sup> bertahun<sup>2</sup> dengan tidak mendapat superscale. Kata-nya kalau di-bandingkan kelulusan kita dengan kelulusan Pegawai<sup>2</sup> Pentadbiran Am, kita telah belajar memakan lebeh tahun daripada Pegawai<sup>2</sup> Pentadbiran Am, tetapi, kata-nya, kebanyakan Pegawai<sup>2</sup> di-dalam Pentadbiran Am lebeh lekas, dengan masa yang sengkat dapat memegang jawatan Superscale. Mereka sendiri maseh lagi dalam timescale.

Ada-kah Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengetahui atas perkara ini dan ada-kah Menteri Kesihatan mengambil langkah<sup>2</sup> bagi memperbaiki kesulitan ini. Sa-lagi langkah<sup>2</sup> tidak di-ambil sa-lagi itu-lah Kerajaan akan rugi membelanjakan banyak duit menghantar doktor<sup>2</sup> kita bagi mendapat pelajaran tinggi, ia-itu kelulusan speciality dan apabila balek mereka berhenti kerja. Bukan-nya mereka itu tidak hendak bekerja dengan Kerajaan, kerumitan-nya ia-lah Super Structure Scale bagi Specialist itu tidak men-chukupi. Sa-tahu saya sa-masa saya berkhidmat di-dalam Surohanjaya Perkhidmatan Awam, yang menjadi kelam kabut dalam Kementerian Kesihatan ia-lah berkenaan dengan superscale ini sampai pada satu masa, saya perchaya Kementerian Kesihatan telah mengatakan berkenaan dengan kesulitan specialist ini mereka tidak tahu apa hendak buat.

Ini satu perkara yang tersentak apabila saya mendengar-nya. Pada perhatian saya tidak ada satu perkara di-dalam dunia ini yang tidak dapat di-selesaikan, jika satu<sup>2</sup> perkara itu di-perhati dengan mendalam.

Jadi saya harap-lah Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil perhatian yang berat sedikit dan barangkali menambah superscale<sup>2</sup> kerana specialist kita . . . . .

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Yang kata Kementerian Kesihatan ini huru-hara, ta' tahu hendak recommend itu, ini, berapa tahun dahulu, masa saya-kah atau sa-belum saya. Saya baharu dua tahun lebeh sahaja menjadi Menteri Kesihatan.

**Tuan Abdullah bin Dato' Haji Abdul Rahman:** Saya, Tuan Yang di-Pertua, faham benar kata Yang Berhormat Menteri Kesihatan sekarang ini. Saya tidak-lah menumpukan ucapan saya itu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sekarang ini,

saya berchakap mengatakan Kementerian dan Menteri Kesihatan, saya tidak menuju kepada individual. Jadi kalau saya tersinggong atas personal Yang Berhormat Tan Sri Sardon, saya minta ma'af-lah, tetapi tujuan saya ia-lah kepada Kementerian Kesihatan. Jadi sekarang dia sudah tahu atas perkara kerumitan superscale ini saya harap Menteri Kesihatan akan meneliti atas perkara ini dan menyelesaikan dengan sa-berapa segera. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** *(Dengan izin)* Mr President, Sir, yesterday we passed with acclamation the Second Malaysia Plan. We praised the objects of the Plan sky-high, but quite a lot of people do not realise that the health of the nation is linked up with the Second Malaysia Plan, and I wish to congratulate our Health Minister, Tan Sri Haji Sardon for bringing in this new Medical Bill, the Medical Act of 1971. It is a very appropriate Bill, and on time too for the progress of our nation, the health of our people and the youngsters. It mainly concerns most of us medical men, much more than it concerns the people, because without good medical men we will not have good health in this country.

First, we have a Medical Council. The Medical Council is meant to see that all the doctors are up to a proper standard of qualification, to see that their conduct is appropriate to the dignity of the profession; to see whether any injustices have been done to doctors, and to see to the registration of all those doctors from all the universities of the world. That is the function of the Medical Council.

The second is the registration of doctors. It concerns us very badly, or greatly, because formerly when you register, you pay a fee at once and you are registered as a doctor for life but today the thing is different. Today you have got to apply for yearly registration. You have got to pay a certain fee. We do not know how much the Minister is going to charge us on that. But I hope it is a minimum fee (*Ketawa*) because it is merely for the sake of seeing that we know the statistics, to keep the statistics of doctors who are practising and who are living. I know where doctors have died and yet their names appear in the Register of doctors. This we can control now.

Then, again, in this country we have various types of practices of medicine.



First we have got the Western method, and we have got the Eastern method. The Eastern method, of course, comprises of medicine from Arabia, China, India and *bomohs*, the kampong people. But people do not realise in the recruitment of doctors that we are in a tropical country and doctors who do not understand tropical diseases may not fit in the scheme of things. They will not be so competent to treat the diseases we see here. Sometimes they would not be able to diagnose a disease correctly. People with qualifications from Western countries, mostly temperate zone, have types of diseases entirely different from ours. The things that we see they do not see, unless they go to a special school, is to get a tropical degree, diploma of tropical medicine and so on before they can come to our country to diagnose the diseases of our population. So, there is a clash there.

Then our medicine, the Eastern method. They have been here for thousands of years—the Chinese method, the Ayurvedhic Indian method, the Unani method and the *bomohs*. They have been here for generations treating our people. They are more or less like specialists, but in the provisions of this Enactment we say this, “You can work; specialise in your treatment, but we do not want you to put up your names as doctors as you are not qualified from the universities”. That is what we want to do, but they are allowed to practise.

Replying to my Honourable friend from Sungai Patani, Tuan Abdul Samad Osman, as to why should dressers be allowed to practise medicine, they should be allowed to practise medicine provided they get permission to be allowed to use stethoscope and sphygmomanometer and syringes. Under the Medical Enactment, they have got to get permission. It says that they have got to get permission and do their practice. But many of the Western drugs are derived from Eastern sources—most of them. They do not realise it. For instance, ephedrine comes from China. We treat them with the medicine that are imported from China. Some of the drugs we get like sulfonamide, and the sulfa groups of drugs are, very costly, because the origin of these drugs comes from China—some of the raw materials. So, Chinese medicine is a very advanced type of medicine, but I only want to say one thing: we should not allow

everybody who reads a Chinese medical book to be a doctor or a physician. You must go through a school of medical study. In China, they have a university where the physicians have to study to become physicians or doctors or Chinese *sinsehs*. In Hong Kong they have got one; in Singapore they have one and it is high time that in Malaysia we have also one for *sinsehs*. To qualify to be a *sinseh*, to be able to feel the pulse of a patient, he must get the certificate of registration that he is a *sinseh*. Not everybody who looks at the Chinese Medical Book and feels the pulse of patients can become a *sinseh* and sometimes he misleads the patients. As far as Ayurvedhic and Unani medicines are concerned, I know some of the drugs, Indian drugs, are very good. Some of the drugs are incorporated into our British Pharmacopeia. There are a lot of them. For instance, silver is being used and gold is being used. They have been used in India for a long time—silver and gold. Also our kampong *bomohs*, you must not discourage them, they are very good, because medicine does not consist of treating the physical body only. It consists of treating the mind and the physical body. Sometimes some of these diseases are only functional in character and they are not organic—I mean it does not concern the organ. It concerns the consciousness of the mind only and so the kampong doctor is very good; the *bomoh* is very good. He just “*jampi*”, he just puts something on the body of the patient, and it might be due to the mind only and not due to the disease itself that the cure is effected. So, the patient gets well. So, we should not condemn them.

However, our Act is a very good Act. In regard to the examination of patients, the Honourable Member from Kelantan says that they should not take off the clothes of patients for examination. In fact, they should be without dress and it will be improper to examine a patient when he is well dressed. Of course, you cannot do this in our country, because most of our men are very modest and very shy and our ladies are worse. So, we cannot take the dress off because they feel like that. There used to be a story of a *sinseh* treating an Empress, he only tied the red string to the pulse of the Empress and held the string to diagnose the disease. Of course, we have not come to that stage yet of modesty.

Now, this is an Act which we as doctors fully support, but we are only afraid of quacks, people who go about putting signs in their office and instead of saying "Clinic", to escape from the words "Clinic", "Dispensary" or "Hospital", they put up "Diagnostic House" (*Ketawa*). They put up "Diagnostic House" and inside the Diagnostic House there is nothing at all, no name, nothing. He goes inside—the quack—and he takes out a syringe and gives an injection without properly sterilising the syringe and I do not know what drug he uses. But I saw some of the cases coming from some of the quacks, swollen legs and so on, I had to treat them, give them medical attention and I reported the matter to the Medical Officer asking him to send officers to see those Diagnostic Houses. They do not put "Clinics"; they put "Diagnostic Houses". What are you going to do to them? So, I think it is high time that this Act comes into operation, so that the dignity of the profession is raised in this country.

We must have a special Tropical School, because some of the diseases in the country cannot be found in the textbooks. They are not found in the textbooks, some of the diseases we are suffering from in this country; and we have to have a research centre and the School should be a very good research centre, and I would like to suggest to the Minister concerned that a special sum be allocated for the brilliant brains of our doctors for research in the hospitals. We must have this research in the hospitals for the special types of conditions occurring in our country. For instance, in China I know the people had "clonorchis sinensis". I do not think you will understand that word (*Ketawa*). The disease in China is due to infection from raw fish. The disease caused the death of President Sun Yat Sen. It is infected from the gills of raw fish and the flesh of raw fish—the germ is derived from fresh water snails. Lots of people in Japan are suffering from that too. It causes enlargement of the liver, as if he is suffering from cancer, but actually he is not. I have seen so far only one case in Kedah which I diagnosed as "clonorchis sinensis" and few of the doctors could diagnose it because they have not seen it. The patient could be treated. He came up to see me once and I told him that he was suffering from "clonorchis sinensis" and for that type of a thing, he had to go through a very slow

process of treatment; he wanted to do it in a hurry, he went elsewhere and he died (*Ketawa*).

Now, regarding advertisements, the provision for advertisement, there are doctors who say they are specialists in this and specialists in that, like in America, a man is a specialist in everything. It must not be done; we do not allow it in the medical profession. A man rests on his merits only; the patient comes to see him and comments, "That man is good; he knows his job." And so another patient comes. But you do not want to put in big letters and delude the kampong people. Some of them are poor people, sometimes they cannot afford to pay \$10, and if they think the man is a specialist, they pay \$10 to see him, but actually he knows nothing, only his advertisement is there, and this is a very good Act remedying the defect.

I think the doctors should be properly taken care of by our Health Minister, and I agree with the Honourable Member from Johore Enche' Abdullah that according to the Schedule we have got to find out the standards of qualification of those people who are admitted to be medical practitioners in Malaysia. Some of them could not detect an abnormal sound in the lung; it is very hard, for instance to hear the beginning of pneumonia. When you get pneumonia—I do not know how long I was trained by my Professor—it was like a Tutorial; we had about 6 students and one Professor, almost a Tutorial—to hear the sound in the lungs you have to hear the sound of pneumonia as if there are two hairs going against each other inside the lung. X'ray could not find it yet.

So I support this Bill and I hope that fair treatment will be given to those Sinsehs, Ayurvedhic medicine, Unani, and the Bomohs; and to scrutinize to see that they have proper places to see the patients, that their places are clean and hygienic and let the people know that this type of people treat their clients differently from Western type medicine and if they use stethoscope or try to bluff a person with a blood pressure instrument or injection, then ask the people to report to the proper authorities because they have not been trained to use it. Even sometimes some doctors have not been trained to give an injection properly, not to

say a dresser or a nurse. So I agree with this Bill and I strongly support it. Thank you, Sir.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Kesihatan yang tersebut tadi. Adalah Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah menyokong dan menerangkan penerangan<sup>2</sup> mereka yang sangat baik untuk kesihatan negeri kita. Saya di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa chadangan berkenaan dengan kesihatan.

Yang pertama saya hendak mengambil perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita, ia-itu "Gerakan Pergigian ka-sekolah<sup>2</sup>. Kita faham kanak<sup>2</sup> yang sakit gigi sangat-lah mustahak untuk belajar di-sekolah<sup>2</sup>. Ada juga mobil klinik yang sampai ka-sekolah<sup>2</sup>, tetapi masa-nya sedikit, lebeh kurang sa-bulan sa-kali sahaja. Kalau kanak<sup>2</sup> itu sakit gigi, kena-lah tunggu sabulan lagi untuk chabut gigi, memang-lah lama sangat. Murid<sup>2</sup> di-luar bandar hendak pergi ka-bandar ada-lah susah. Jadi saya chadangkan kalau boleh Kementerian Kesihatan bagi satu centre di-luar bandar untuk pergigian bagi kanak<sup>2</sup> sekolah. Saya dapat tahu, jururawat pergigian kadang<sup>2</sup> chabut gigi itu tersalah. Bagini kanak<sup>2</sup> takut, lain kali ta' dapat di-chabutkan gigi mereka itu dan ibu bapa pun takut sangat.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan Undang<sup>2</sup> berkenaan doktor gigi ini ada di-bentangkan, tetapi kalau hendak berchakap sedikit boleh-lah. Berkenaan dengan kata-nya tadi jururawat pergigian chabut yang baik, yang ta' baik pula tidak di-chabut, kalau dapat Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan saya, saya akan siasat atas perkara ini.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Terima kaseh. Berkenaan dengan perkara injection BCG. Jadi saya harap Kementerian Kesihatan beri penerangan luas sedikit, kalau tidak ibu bapa itu takut bagi anak<sup>2</sup> dapat injection BCG. Kata-nya injection kena mati. Jadi murid<sup>2</sup> di-sekolah<sup>2</sup> semua takut.

Yang ketiga chadangan saya berkenaan sikap<sup>2</sup> doktor atau jururawat di-hospital<sup>2</sup>. Saya selalu dapat aduan daripada orang ramai kata kepada doktor itu ada sedikit ta' berapa baik. Kerana kata-nya: sini sakit, sana sakit—panggil doktor, mari tengok sa-kejap, tetapi kata doktor, itu ta' peduli dan

jururawat itu pun kata: mati mati-lah. Ini bukan-lah kita hendak criticize doktor<sup>2</sup> itu kerana doktor itu sangat bekerja berat dan kerana kekurangan doktor<sup>2</sup> di-hospital kita memang-lah faham, tetapi orang ramai ta' faham kekurangan doktor? Saya harap-lah kalau boleh ubah-lah sikap<sup>2</sup> doktor dan jururawat itu dan tambah lebeh lagi doktor<sup>2</sup> di-hospital.

Yang ke-empat berkenaan dengan . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Ahli Yang Berhormat itu tumpukan ucapan-nya lebeh<sup>2</sup> lagi kepada apa yang terkandung dalam Bill. Sa-chara am telah juga di-chakapkan dan juga perkara itu telah di-bangkitkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, Tadi sahabat kita Yang Berhormat Dr Cheah berkata dengan sinseh. Jadi kata-nya sinseh itu itu ta' bersijil dan ada-kah, separoh atau semua yang ta' bersijil dan kalau hendak di-daftarkan atau 'registration' itu ada-lah bagus tetapi kalau menyatakan sinseh itu ta' baik, saya ta' bersetuju. Orang<sup>2</sup> sinseh itu bagi orang China chara yang mengubatkan orang<sup>2</sup> China. Tetapi sekarang doktor<sup>2</sup> daripada barat bukan kata-nya orang sinseh itu ta' baik, atau ta' pandai. Memang saya selalu ada sakit, saya jumpa orang sinseh, saya ta' suka jumpa doktor. Oleh kerana kadang<sup>2</sup> bila chuchok pun bengkak—sakit beberapa hari demam ta' turun lagi. Jadi sinseh itu, minum ubat sa-kali sa-mangkok itu habis terus baik! Itu-lah yang saya perchaya kepada sinseh. Jadi bagi orang<sup>2</sup> China ada satu nama yang baik kata bahasa China 'doktor Hwato'. Doktor Hwato orang China sudah lama yang pandai sa-kali itu. Post-mortem pun pandai, bagaimana pun pandai. Jadi, saya setuju 'doktor sinseh' sa-paroh ta' bersijil, bukan semua.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, minta ma'af. Saya takut nanti masuk rekod sinseh—sinseh ini ada post-mortem, yang mana perkataan post-mortem yang kita tahu ia-lah di-bedah apabila sudah jadi mayat. Ada-kah Yang Berhormat tadi chakap berkenaan dengan post-mortem dan, sinseh ada buat post-mortem atau berchakap fasal diagnose. Saya tidak hendak rekod nanti salah—salah besar ini.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat kata itu, bukan post-mortem. Saya kata doktor China lama post-mortem, bukan sekarang, cerita lama (*Ketawa*), jadi sekarang bukan post-mortem. Tengok tangan sahaja pun dapat baik. Itu yang saya tidak setuju kepada Yang Berhormat Dato' Dr Cheah Toon Lok kata-nya tidak berapa sedap. Jadi, saya berharap Menteri Kesihatan akan dapat membena beberapa buah hospital di-seluruh negeri, dan saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh, hospital di-Ipoh akan di-bena pada awal tahun 1972, kerana hospital di-Ipoh sangat sempit, tidak cukup. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat di-tangguhkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.22 petang.*

*Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 4.40 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Perubatan ini. Dalam perbahathan pada petang ini, saya hanya hendak menumpukan atas perkara atau atas Bahagian VII ia-itu berkenaan dengan Peruntukan<sup>2</sup> Tambahan Bagi Maksud<sup>2</sup> Negara. Nampak-nya, Tan Sri Yang di-Pertua, peruntukan ini tidak-lah bertentangan dengan Perlembagaan kita ia-itu Fasal 6 (2) dan oleh itu, saya suka menguchapkan satinggi<sup>2</sup> tahniah kepada Menteri Kesihatan dan juga Kerajaan kerana mengadakan peruntukan ini. Dengan ada-nya peruntukan ini, maka Kerajaan boleh-lah mendapat doktor<sup>2</sup> yang lebih untuk berkhidmat di-dalam Jabatan Kerajaan.

Di-sini saya tidak mahu mengulang apa yang telah di-sebutkan oleh sahabat<sup>2</sup> saya di-Dewan ini chuma saya hendak menyeru satu sahaja, ia-itu sa-masa Ketua Pengarah Perubatan menjalankan kuasa<sup>2</sup>-nya yang di-bawah peruntukan ini, saya minta supaya dia bersikap adil bukan sahaja kepada doktor<sup>2</sup> yang terlibat di-bawah peruntukan ini bahkan juga kepada orang<sup>2</sup> yang akan atau yang bakal menerima rawatan. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita hantar ka-luar bandar umpama-nya doktor<sup>2</sup> yang baharu

sahaja lulus sa-telah membuat housemanship-nya mungkin mereka itu tidak mempunyai pengalaman yang lebih, saya rasa kalau kita hantar luar bandar umpama-nya yang mana sekarang ini kekurangan doktor<sup>2</sup> mungkin tidak begitu adil kepada pesakit<sup>2</sup> di-luar bandar. Jadi, mungkin yang baik-nya kalau dapat Ketua Pengarah Perubatan membuat satu sistem umpama-nya mengelilingkan boleh jadi sa-saorang itu di-perlui berkhidmat tidak kurang daripada dua tahun mungkin kalau boleh di-buatkan sa-tahun dia bekerja di-bandar dan sa-tahun lagi mungkin di-luar bandar. Jikalau begitu, pada pendapat saya, maka adil-lah kepada doktor tadi dan juga kepada pesakit<sup>2</sup> di-luar bandar. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Pengiran Mohamed Digadong Galpam:** Tuan Yang di-Pertua, saya di-sini bangun dan menyokong ucapan yang mana

usul yang di-bawa oleh Menteri Kesihatan tadi. Saya rasa sudah kena pada tempat-nya, oleh kerana perbelanjaan Kerajaan pada tahun 1971 ini sangat<sup>2</sup> memuaskan. Tetapi di-sini saya suka menerangkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Menteri yang berkenaan, di-tempat saya kawasan Kinabatangan yang sangat jauh lebih kurang dalam 360 batu, maka sangat-lah susah berkenaan dengan orang<sup>2</sup> yang sakit oleh sebab di-tempat itu sa-benar-nya masa penjajah dahulu ada membuat klinik<sup>2</sup>, tetapi bila masa ayer bah semua-nya kena tenggelam. Jadi, saya rasa masa ini juga Kerajaan kita Malaysia yang sedang membangun Ranchangan Malaysia Kedua ini saya minta-lah supaya dapat Menteri yang berkenaan menubuhkan satu pejabat, ia-itu hospital untuk kegunaan di-kawasan tempat yang saya katakan di-Kinabatangan ini, biar-lah kedudukan-nya di-Bukit Garam. Oleh sebab penduduk<sup>2</sup> di-sana yang sangat jauh daripada bandar apabila ada orang sakit memakan masa berminggu<sup>2</sup> baharu sampai ka-hospital. Jadi, ini saya minta supaya Yang Berhormat Menteri itu sendiri dapat melawat di-tempat yang saya katakan ini, oleh kerana di-sana ada kakitangan Kerajaan, ia-itu daripada Pejabat Perubatan, tetapi hanya menyewa kapal terbang atau pun helikopter hanya sa-tengah jam atau satu jam di-satu kawasan, maka ini tidak memadai kepada ra'ayat di-sana yang mengalami sakit atau pun kesulitan berkenaan dengan perubatan. Jadi saya rasa sudah sampai masa-nya, saya merayu kepada Kerajaan sa-terus-nya kepada Menteri yang

berkenaan supaya dapat melawat ka-tempat yang saya katakan. Ini bukan hanya di-Kinabatangan sahaja tetapi banyak lagi tempat<sup>2</sup> yang belum ada hospital kechuali di-Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau, ini sudah ada. Tetapi di-lain<sup>2</sup> tempat seperti Lahad Datu atau pun Sampurna, di-Keningau ini baharu sahaja ada ranchangan, tetapi belum ada di-buat. Maka saya berharap supaya Menteri yang berkenaan dapat melawat dengan sendiri-nya menengok tempat<sup>2</sup> yang mana saya terangkan ini. Sa-lain daripada itu, saya tidak hendak panjangkan chakapan saya di-Majlis ini, hanya sa-takat ini-lah sahaja, terima kaseh.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, dapat-kah saya berchakap di-dalam perkara am, jika tidak dapat, saya tidak mahu berchakap, jika sudah saya berdiri, saya tidak mahu kena duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, sedikit<sup>2</sup> sahaja. Kalau hendak dalam perkara 'am sa-patut-nya telah berchakap pada masa Ranchangan Malaysia Kedua dahulu.

**Puan Dasimah Dasir:** Terima kaseh. Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini. Saya ucapkan terima kaseh kepada Kerajaan juga kepada Menteri kerana baharu telah disedari kejadian<sup>2</sup> yang berlaku ini bagaimana yang di-terangkan oleh sahabat saya patut lama sudah di-pindahkan Rang Undang<sup>2</sup> ini, tetapi ada lagi yang kesulitan<sup>2</sup> yang tidak dapat di-sempurnakan di-dalam hospital<sup>2</sup> yang ada di-negeri sa-umpama di-tempat saya; saya bandingkan di-Negeri Pulau Pinang. Saya juga salah sa-orang pelawat Hospital yang telah menyatakan beberapa kali dan merayu supaya tempat<sup>2</sup> untuk wanita, dan untuk lelaki di-asingkan kerana tempat kare itu sangat<sup>2</sup>-lah menjadi kepayahan. Sa-masa saya mendapat kesakitan dahulu, saya sendiri telah melihat bila mana hendak di-karen kepada saya—minta ma'af, kerana terpaksa membuka baju, kemudian datang pula lagi sa-orang lelaki, ini satu perkara tidak elok.

Jadi saya minta-lah Kementerian ini satu perkara yang mustahak di-ambil berat di-atas tindakan ini dan lagi juga di-hospital sa-umpama mana<sup>2</sup> hospital sa-kali pun layanan itu tidak-lah memuaskan bagi pehak ra'ayat seluruh-nya. Manakala sa-saorang telah sakit, maka sakit itu tenat sangat, barangkali boleh

jadi riwayat dia itu akan hilang, tetapi manakala tunggu satu jam, dua jam, tiga jam doktor tidak ada. Terpaksa pergi menchari doktor ka-sana ka-mari. Kata nurse, pergi menchari-nya, doktor tidor. Ini satu tindakan hendak-lah di-ambil dengan sa-baik<sup>2</sup>-nya dan lagi sa-umpama saya baharu<sup>2</sup> ini, ini saya ta' ada pandang ka-mana<sup>2</sup>, kalau saya ta' tengok. Saya telah mendapat accident di-tengah jalan, sa-hingga anak saya harus nyawa-nya hilang, tidak juga kereta sakit datang meng-ambil. Tiba masa-nya ada sa-orang daripada orang China rakan kita juga yang meng-angkat anak saya ka-hospital. Sa-lepas itu tiba di-hospital mereka membuat ta' tahu, sa-hingga anak saya terus pengsan.

Jadi ini perkara yang berlaku. Kemudian apa-kah yang saya hendak buat! Saya pergi chari juga kawan<sup>2</sup>, saya minta juga pertolongan, oleh sebab dia kata tahu saya ini Yang Berhormat, baharu-lah di-ambil tindakan yang sesuai. Kalau saya Yang Berhormat, lain orang bukan Yang Berhormat, kejadian yang berlaku bagitu-lah juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita ta' hendak dalam pentadbiran itu berlaku sa-macham itu: Yang Berhormat, atau bukan Yang Berhormat, hendak-lah di-samakan. Ini satu dasar Kerajaan kerana dalam Ranchangan Malaysia Kedua kita telah adakan, hendak samakan, sa-imbangkan ra'ayat untuk menyenangkan segala lapangan, tetapi dalam hospital ini banyak kesulitan<sup>2</sup> yang telah kita dapati. Kalau-lah sa-kira-nya doktor ini sa-orang, orang yang pergi hendak mengambil ubat barangkali satu hari tiga ratus, empat ratus, ada-kah doktor itu dapat memberi layanan dengan chukup! Sa-hingga kadang<sup>2</sup> orang itu sakit sedikit boleh jadi terok, kerana dia tengok sahaja muka doktor, "Ha, saya hendak bagi ubat". Apa ubat? Tangan dia ta' pegang. Chuma di-beri ubat. Ini pun adalah satu kesulitan.

Jadi saya juga biasa berchakap dengan Menteri sendiri berkenaan dengan hospital di-Pulau Pinang, tetapi sa-hingga masa sekarang belum dapat layanan. Saya tidak-lah, Tuan Yang di-Pertua, hendak berchakap panjang di-dalam perkara ini. Itu-lah perkara kesulitan<sup>2</sup>-nya.

Lagi satu saya minta kepada Tuan Yang di-Pertua sa-belum saya berchakap ini, saya minta ma'af, jika sa-kira-nya salah saya, saya minta ma'af-lah. Tadi Puan Aishah Ghani telah memberi ucapan, Tuan Yang di-Pertua menegor. Ini saya rasa satu pukolan. Tetapi

manakala sa-orang Yang Berhormat berchakap tidak sampai lagi pada had-nya Tuan Yang di-Pertua telah memberhentikan. Ini-lah sebab-nya saya takut hendak berchakap. Sebab itu-lah saya minta kebenaran dahulu, kalau saya jadi macham Puan Aishah Ghani, saya tidak akan berchakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah benarkan, tetapi jangan panjang<sup>2</sup> sangat.

**Puan Dasimah Dasir:** Jadi perkara<sup>2</sup> membawa mayat itu, tadi Yang Berhormat Tuan Syed Hassan Aidid telah menyokong. Saya juga hendak berchakap panjang, tetapi banyak rakan<sup>2</sup> saya telah menyokong dengan sa-kuat<sup>2</sup>-nya, kalau pun menyokong, jangan-lah Rang Undang<sup>2</sup> ini tertinggal dengan Rang Undang<sup>2</sup>, apa kesukaan hospital itu boleh berjalan juga. Ini jangan terjadi lagi sa-kali, Tuan Yang di-Pertua. Hal ini-lah sahaja dengan rengkas saya kata, saya ta' berchakap panjang, sebab saya sudah berchakap dengan Menteri itu banyak kali. Dia kata tadi, Kak Dasimah jangan berchakap apa pun (*Ketawa*). Saya kata, saya hendak berchakap. Saya hendak berchakap, kalau ta' berchakap, ta' puas hati. Jadi, terima kaseh Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi keizinan saya berchakap.

**Tuan Awang Daud Matusin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang<sup>2</sup> yang sedang kita perbahatkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya rasa ini-lah satu Rang Undang<sup>2</sup> yang sangat baik dan sesuai dengan masa-nya. Oleh kerana kita baharu sahaja meluluskan satu Rang Undang<sup>2</sup> Rancangan Lima Tahun Kedua yang sangat besar faedah-nya kepada ra'ayat di-seluruh negara kita. Saya rasa sa-kira-nya masalah kesihatan tidak di-ambil berat, tidak berjalan dengan sempurna-nya, harus Rancangan Malaysia Kedua juga akan kurang mendapat kemajuan atau terlaksana dengan sa-chara memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah akan menyentuh perkara<sup>2</sup> lain oleh kerana telah banyak di-perbincangkan dan di-timbangkan dengan fikiran<sup>2</sup> yang baik dalam Dewan yang mulia ini. Hanya saya menyentuh berkenaan dengan kekurangan kedokteran khas-nya di-tempat saya di-Sarawak. Saya rasa, barangkali Sarawak-lah sa-buah Negeri dalam Malaysia yang paling kurang doktor<sup>2</sup> yang bertugas di-sana. Oleh kerana di-tempat saya di-Bahagian Kelima, kalau ta' silap saya,

hanya sa-orang doktor yang bertanggung-jawab di-dalam seluruh Bahagian Kelima. Di-dalam Bahagian Kelima ini ada dua Daerah yang agak besar, ia-itu Limbang dan Lawas. Jadi hanya sa-orang doktor yang bertempat di-Limbang dan melawat sa-kali sa-kala ka-Lawas. Dari itu, oleh kerana di-tempat saya juga ada sukar perhubungan dan belum berjalan dengan baik, jalan<sup>2</sup> raya dan sa-bagai-nya. Jadi pesakit<sup>2</sup> yang jauh di-luar bandar ada-lah sukar hendak datang dengan chepat ka-bandar<sup>2</sup> atau pun tempat yang ada hospital, yang ada doktor. Dari itu, dengan bersendiria saya telah sa-kali dua meminta kapada Menteri yang berkenaan juga telah berjanji di-dalam satu lawatan beliau ka-tempat saya di-Lawas, tetapi malang-nya sa-hingga masa ini di-Lawas belum ada sa-orang doktor yang dapat di-hantar ka-sana. Oleh itu, dengan peluang ini-lah saya mengharapka Menteri yang berkenaan akan mengambil berat dan akan dapat-lah menu-naikan permohonan saya supaya dapat-lah kami sa-orang doktor bertugas tetap di-dalam Lawas. Maka itu-lah sahaja perkataan saya dalam Dewan yang mulia ini dan saya menyokong-lah dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini. Terima kaseh.

**Tuan Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap pendek sahaja. Pertama saya hendak ucapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kapada Tan Sri Sardon, Menteri Kesihatan kerana apa yang saya dapat tahu daripada orang ramai, banyak-lah perubahan<sup>2</sup> yang telah di-chapai sa-lama beliau memegang Kementerian ini dan sunggoh pun begitu, banyak juga masaalah kekurangan khas-nya di-hospital di-dalam Wad Klas Dua dan Klas Tiga, sunggoh pun saya dapat tahu orang<sup>2</sup> yang dudok dalam Wad Klas Satu boleh di-katakan puas hati. Tetapi di-dalam Wad Klas Tiga ini banyak sungutan dan banyak orang<sup>2</sup> ta' puas hati dan saya fikir satu chara supaya Kementerian ini mengadakan satu kursus, mengan-dongi Menteri dan pegawai<sup>2</sup> berkenaan sa-kali sa-kala, dan menjemput doktor<sup>2</sup>, khas-nya jururawat<sup>2</sup> itu supaya menchari jalan mereka ini berlemah lembut sadikit dengan orang sakit, kerana kita tahu kalau orang sakit ini di-sergah, dia lebeh sakit lagi. Dengan chara lemah lembut dan dengan muka yang manis, saya perchaya ta' payah dengan ubat pun dia boleh baik. Ini satu masaalah besar.

Dan berkenaan dengan doktor<sup>2</sup> yang lulus pada bulan Januari tahun 1971 akan di-minta

beri khidmat-nya kepada Kerajaan, saya menyokong penuh tetapi saya hairan kerana apa-kah di-tujukan pada yang lulus tahun 1971 sahaja. Apa hal pula yang lulus sebelum daripada itu. Ada-kah mereka ini di-bedzakan antara yang dahulu dengan yang baharu lulus tahun 1971. Kalau diminta juga mereka yang lulus sa-belum bulan Januari tahun 1971, saya perchaya kita akan memperbaiki lagi keadaan kesihatan kita, berma'ana banyak lagi doktor yang akan memberi khidmat-nya kepada Kerajaan. Dan satu masaalah yang saya lupa tadi hendak berchakap berkenaan dengan mayat<sup>2</sup> yang meninggal di-hospital. Kalau Kerajaan boleh membelanjakan berjuta<sup>2</sup> ringgit dalam serba-serbi khas-nya dalam Kementerian Kesihatan, satu masaalah yang besar, kalau di-perhatikan di-Pulau Pinang, ta' tahu-lah negeri lain, kalau mayat<sup>2</sup> meninggal dunia mithal-nya di-hospital yang kita tahu ambulan tidak di-benarkan membawa mayat<sup>2</sup> itu balek kepada keluarga mereka masing<sup>2</sup>.

Jadi saya fikir ada elok kalau dapat Kerajaan mengadakan kereta untuk membawa mayat ini balek ka-rumah masing<sup>2</sup>. Ini satu masaalah yang besar kerana banyak orang yang tidak ada kereta sama sa-kali dan kalau di-Pulau Pinang hanya ada dua kereta mayat, saya fikir. Kalau ada mithal-nya ada empat lima orang mati di-hospital, tentu hendak bergilir<sup>2</sup> dan memakan masa yang panjang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Joseph Augustine Angian Andulag:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Menteri Kesihatan dan Kerajaan juga yang mana dalam membuat satu Rang Undang<sup>2</sup> untuk perubatan.

Saya di-sini beruchap sa-chara ringkas sahaja mengenai di-Sabah yang sangat<sup>2</sup> kekurangan doktor. Seluruh Sabah yang saya tahu kurang lebih 13 doktor sahaja dan maseh daerah<sup>2</sup> itu kurang lebih ada 8 lagi yang tidak ada doktor. Maka dengan sebab itu, saya minta-lah pada Menteri Kesihatan supaya menambahkan doktor di-Sabah terutama sa-kali di-Pensiangan dengan Kota Belud, di-Tambunan sama sa-kali tidak ada doktor. Jadi ini saya minta-lah kepada Kerajaan dan Menteri Kesihatan supaya di-adakan dan buat sementara kita menunggu pelajar<sup>2</sup> kedokteran di-Universiti Malaya, bagi pendapat saya lebih baik kita minta di-luar negeri, mengambil kontrek sa-lama dua tahun atau pun empat tahun sementara

menunggu penuntut<sup>2</sup> kita yang lulus di-dalam peperiksaan kedokteran di-Universiti Malaya.

Saya ingat banyak juga doktor daripada Amerika, Hong Kong dan di-Taiwan juga yang lulus dalam surgeon,—Certificate of Surgeon, tetapi saya juga suka bertanya kepada Menteri Kesihatan kerana saya dengar certificate di-negeri Taiwan tidak pula di-ambil berat oleh Kerajaan Malaysia, tetapi baharu<sup>2</sup> ini saya berada di-Taiwan dalam bulan Jun hingga bulan Julai tahun ini dan saya juga telah berjumpa dengan empat doktor dan saya tengok certificate doktor itu semua daripada Amerika dan banyak juga yang sudah lulus peperiksaan dari universiti dalam tahun ini, kerana saya ada juga di-jemput untuk menyaksikan mereka<sup>2</sup> menerima sijil itu. Dan kalau saya tidak salah kurang lebih ada 13 ribu yang lulus dan lain<sup>2</sup> pula pergi ka-Amerika lagi.

Bagaimana pada pendapat Kerajaan kalau kita meminta doktor<sup>2</sup> daripada Taiwan atau pun di-Hong Kong atau pun di-Jepun buat sementara. Dan di-sini saya minta ma'af kepada Menteri Kesihatan yang mana surat<sup>2</sup> pertanyaan saya, dan saya mendapat jawapan ini, saya ingat ada sedikit salah, barangkali kerana kurang faham kerana ma'alum-lah bahasa Kebangsaan saya tidak berapa baik, jadi di-sini saya mengatakan pada surat saya itu di-sabelah daerah Tambunan ada mempunyai penduduk 16 ribu orang, tetapi hanya sa-orang sahaja ia-itu Dresser Division III yang menjaga, bukan-nya di-Keningau, di-Keningau ini sudah tetap ada dua orang doktor dan lain<sup>2</sup> penolong-nya itu, tetapi di-Keningau ini ia-lah centre. Saya ingat Menteri Kesihatan selalu juga melawat ka-Keningau dan di-sana sudah pun ada hospital tetapi hanya ada dua orang doktor sahaja.

Jadi apa yang saya katakan, saya meminta . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu telah pun menceritakan ia-itu di-atas kekurangan doktor di-tempat beliau. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu telah pun berchakap atas perkara itu. Jadi ta' payah-lah lagi di-ulangkan perkara 'am, dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan sudah tentu telah mengambil chatitan di-atas perkara itu. Kalau ada perkara<sup>2</sup> berkenaan dengan Bill ini minta chakapkan.

**Dato' Joseph Augustine Angian Andulag:** Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ulangi pertanyaan saya itu ada salah

sadikit kerana dalam surat saya itu saya mengatakan di-daerah Tambunan ada 16 ribu orang penduduk, tetapi hanya sa-orang sahaja Dresser yang menjaga, tetapi dalam jawapan ini 16 ribu dan dia mengatakan di-sini tidak benar, kerana di-Keningau sudah ada doktor dan kaki-tangan<sup>2</sup>. Jadi ini yang saya hendak bertanya kepada Menteri Kesihatan. Sekian-lah sahaja.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua lima belas Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat termasuk yang akhir sa-kali telah berchakap dan menyokong dengan penohnya dan mengucapkan terima kasih, tahniah, bukan kepada saya tetapi kepada kaki-tangan<sup>2</sup>, pegawai<sup>2</sup> yang menderafkan undang<sup>2</sup> ini kerana undang<sup>2</sup> ini memang hendak kena semak halus<sup>2</sup>.

Bagi menjawab Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dari Sabah, insha'Allah apabila saya melawat sana nanti saya akan mengambil waktu yang panjang sedikit, boleh-lah saya melawat kawasan pendalaman di-negeri itu. Saya pun memang tahu tetapi Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak semua sudah menyokong dan insha'Allah ramai-lah doktor akan dapat kita hantar nanti. Kalau tidak ada doktor macham mana mahu di-hantar. Jadi ini-lah sebab-nya Kerajaan mengadakan Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Terima kasih banyak atas kesabaran Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, insha'Allah kita akan hantar doktor mana<sup>2</sup> yang kurang dan yang belum lagi mendapat doktor.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menjawab panjang bagi tiap<sup>2</sup> sa-orang, tetapi saya chuma hendak menjawab perkara yang mustahak dan penting sahaja.

Yang Berhormat Dato' Ubaidulla telah membawa satu pandangan yang baik. Sa-benar-nya boleh-lah saya terangkan di-sini, yang sa-benar-nya kita ada angka<sup>2</sup> tentang tiap<sup>2</sup> sa-ribu orang itu berapa doktor-nya dan mengikut doktor<sup>2</sup> yang ada di-dalam jawatan Kerajaan dan luar dekat 2,500 ikut peratusan.

Dalam tahun 1971 ini pukul rata 3,950 orang untuk satu doktor. Sa-belum tahun 1971 ini kadar doktor/penduduk ia-lah 4,100 orang bagi sa-orang doktor. Di-sini kita ada jadual dan yang menjadi susah-nya bukan fasal kurang doktor. D daripada sa-ramai 2,400 yang di-daftarkan di-Malaysia Barat ini hanya 800 sahaja yang di-dalam

jawatan Kerajaan. Itu-lah sebab-nya kita hendak mengenakan Undang<sup>2</sup> yang baharu ini supaya doktor<sup>2</sup> yang baharu, bukan scholars, bukan dengan perbelanjaan Kerajaan, kena berkhidmat dua tahun dengan Kerajaan dan tiap<sup>2</sup> tahun kita boleh dapat lebih kurang 200 orang doktor mengikut Undang<sup>2</sup> ini. Doktor yang lulus di-sini dan juga di-mana<sup>2</sup> juga asalkan dia warganegara Malaysia, atau pun doktor luar negeri sa-belum dia di-benarkan bekerja di-sini atau membuka kelinik, juga kena berkhidmat dua tahun, ini atoran tidak ada kechualian.

Saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat Enche' Abdullah dari Johor, sahabat saya, saya telah pun meminta kepada Kerajaan meluluskan peruntukan 36 jawatan superscale di-dalam Kementerian Kesihatan dan kalau tidak salah Superscale H, tetapi ini saya belum puas hati lagi. Pada hari ini pun kita sedang berunding hendak menambahkan lagi Jawatan<sup>2</sup> Superscale itu. Tetapi kebanyakan doktor<sup>2</sup>, pakar<sup>2</sup> yang muda<sup>2</sup> ini bila dia balek lepas dua tahun dia hendak menjadi nombor satu, nombor dua. Kalau zaman penjajah dahulu, kus semangat! Entah berapa puloh tahun dia menunggu hendak menjadi ketua pejabat. Ini-lah yang saya minta kepada pakar<sup>2</sup> yang muda ini supaya bersabar-lah dahulu.

Tadi ada perbandingan di-dalam M.C.S. Saya tahu di-dalam M.C.S. kita ada beribu jawatan<sup>2</sup> yang dahulu di-pegang oleh pegawai<sup>2</sup> dagangan dan apabila Malayanisation di-jalankan, kita bayar dengan begitu besar bayaran kerana hendak memberi peluang kepada anak<sup>2</sup> kita bumiputra. Sebab banyak kekosongan. Jadi yang kerja M.C.S. umpama 3 tahun dan 5 tahun dia sudah memangku Jawatan Tingkatan Tertinggi F, G, kerana kurang pegawai dan banyak pula kekosongan. Di-dalam bidang perubatan atau pakar<sup>2</sup> tidak begitu ramai di-masa yang dahulu, tetapi sekarang ini sudah ramai, saya pun sudah usahakan. Saya mengucapkan terima kasih atas tegoran itu dan kami memang sudah mengusahakan semenjak dua tahun yang lampau tetapi hasil-nya baharu di-perolehi beberapa bulan ini.

Berkenaan dengan doktor yang di-hantar oleh Kerajaan mengikut kursus<sup>2</sup> pakar, dia terikat—sebab ada yang menjalani kursus 5 tahun di-bawah Ranchangan Colombo, tetapi kebanyakan daripada mereka boleh membayar balek, kerana murah. Kalau hendak bayar balek \$20,000 dia boleh bayar



balek. Ini kita sedang siasat mahu ketatkan lagi supaya bayaran balek di-naikkan menjadi \$100,000 atau kerja sa-lama 5 tahun. Kalau kurang satu hari pun kena \$100,000 juga. Kita sedang berusaha hendak mengetatkan lagi undang<sup>2</sup> ini. Tidak-lah kena pada tempat-nya Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak, berpuluh<sup>2</sup> ribu ringgit, tiba<sup>2</sup> dia berhenti dengan sasuka hati. Dia kena bayar balek tetapi bayaran itu sekarang murah dan bayaran ini boleh di-bayar sechารา beransor pula.

Saya minta-lah berkenaan dengan pendaftaran doktor yang baharu. Saya tahu kerana lawyer<sup>2</sup> telah di-kenakan bayaran satu tahun \$50. Oleh kerana ini-lah kali pertama hendak di-kenakan pada doktor<sup>2</sup>, bayaran itu ada-lah murah. Yang Berhormat Dato' Dr Cheah menyatakan \$20 sahaja, terlalu murah patut doktor di-kenakan \$100 kerana lawyer kena \$50, tetapi doktor kena bayar \$50 apabila mula<sup>2</sup> di-daftarkan sa-bagai doktor dan \$20 pada tiap<sup>2</sup> tahun.

Yang Berhormat Enche' Abdullah dan juga yang lain<sup>2</sup> ada juga menyebut berkenaan dengan banyak sangat sekolah<sup>2</sup> perubatan dalam Jadual ini daripada India ia-itu bilangan-nya berpuluh<sup>2</sup>.

Yang sa-benar-nya dalam negeri India sekolah kedokteran lebih 100 buah, yang ada dalam Jadual ini ia-lah lebih kurang 57 buah sahaja. Ini telah di-luluskan oleh General Medical Council of United Kingdom dalam Commonwealth dahulu dan kita dahulu pun masuk dalam Commonwealth juga di-akuī. Jadi Jawatankuasa Tan Sri Nik Ahmad Kamil ini apabila menyiasat dan mengakukan mana<sup>2</sup> sekolah kedokteran yang di-akuī oleh negara<sup>2</sup> mereka itu dan kita berhubung supaya kita dapati dan di-akuī dalam General Medical Council of Commonwealth of United Kingdom. Dia mengakukan boleh di-daftarkan di-dalam Jadual ini.

Ini bukan berma'ana saya akan mengambil doktor<sup>2</sup> daripada kolej<sup>2</sup> yang kurang lama—new colleges. Kita akan siasat—tetapi tentang murid<sup>2</sup> dan penuntut<sup>2</sup> kita yang hendak pergi ka-negeri<sup>2</sup> itu untuk menuntut ilmu kedokteran ada Jema'ah Penasihat di-Kementerian Pelajaran, bersama<sup>2</sup> dengan Kementerian saya akan menasihatkan mana<sup>2</sup> satu sekolah kedokteran yang dia patut menuntut yang kita akuī dan apabila balek kita boleh terima kelulusan-nya itu.

Banyak juga doktor<sup>2</sup> yang pergi dengan sa-suka hati ka-Taiwan di-mana kita belum ada lagi perhubungan berkenaan dengan degree-nya kerana kita tidak ada perhubungan diplomatik. Tetapi kalau warganegara Malaysia dia boleh masuk sa-bagai houseman (doktor pelateh) kemudian lepas dua tahun dia bekerja dengan Kerajaan, sa-buah Jawatankuasa dari General Medical Council akan memeriksa dan menilai dan jika di-dapati kelayakan-nya chukup dia boleh di-daftarkan sa-bagai doktor yang berkelulusan.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Jikalau sa-orang kita, warganegara kita pergi ka-Taiwan sudah dapat satu degree, degree doctor, bila balek nanti boleh-kah dapat kerja dengan Kerajaan?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Dia pergi dengan sa-suka hati-nya sendiri dengan tidak memberitahu kita, apabila lulus dia balek dan paksa kita menerima kelulusannya. Sa-tengah<sup>2</sup>-nya pula tidak tahu bahasa Malaysia. Ada sa-orang dua doktor gigi yang kita beri peluang kontrek dalam 6 bulan supaya dia dapat memahami bahasa Malaysia dan sa-lepas itu kita akan timbangkan. Sebab itu kita harap penuntut<sup>2</sup> Malaysia, sa-belum dia keluar daripada Malaysia untuk mempelajari ilmu kedokteran atau doktor gigi, hendak-lah meminta nasihat dari Kementerian saya atau pun Kementerian Pelajaran supaya kita menasihatkan, mana satu sekolah<sup>2</sup> yang patut dia menuntut supaya masa dia balek nanti kita boleh terima kelulusan-nya.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Terima kaseh.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, yang lain<sup>2</sup> saya ambil ingatan tetapi saya kena-lah menjawab Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir berkenaan apa yang terjadi di-hospital, saya dukachita juga-lah. Yang sa-benar-nya saya pergi berjumpa dia di-hospital. Jadi apabila ada orang kemalangan, tidak ada orang beritahu macham mana, bila hendak datang. Jadi ini-lah yang saya susahkan, kalau saya lalu saya menjadi embulan, saya angkat. Ini bukan fasal embulan hendak membawa orang, siapa pun, kerana jiwa mesti diselamatkan dengan segera.

Dengan ini saya minta-lah Yang Berhormat<sup>2</sup> di-Rumah ini, bukan fasal yang Berhormat-kah kita Ahli Parlimen-kah, atau

tidak-kah—itu tidak menjadi soal. Hospital Assistant yang menjaga dekat admission room itu dia tidak tahu siapa bagitu bagini, kadang<sup>2</sup> hendak 1st Class, 2nd Class hendak bertanya. Kalau kurang, tolong-lah: saya ini juga Ahli Yang Berhormat. Jadi dapat lekas<sup>2</sup> sedikit-lah anak saya ini bagitu bagini. Kalau buka sahaja mulut, dia akan tolong bukan fasal Yang Berhormat. Dia tidak kenal orang. Jadi saya minta ma'af-lah kepada pehak yang terkena tadi, saya sudah beri perintah pada petang ini dan di-mana<sup>2</sup> juga hospital, sopan-santun memang ini perkara yang penting dan perlu.

Dan saya ucapkan banyak terima kaseh kepada Tuan Syed Hassan Aidid tadi yang menhadangkan, bahkan kami telah beri kursus yang tertentu kepada pegawai kesihatan dan kita akan adakan juga kepada pelayan<sup>2</sup> terutama sa-kali jururawat<sup>2</sup> yang lain dan saya akan adakan dari satu masa kasatu masa, tetapi tahu sama tahu-lah apabila kekurangan kita pun sakit, jadi kadang<sup>2</sup> tidak sabar, tetapi saya minta ma'af pada Yang Berhormat dan saya ada ambil ingatan kalau hendak urut bagitu bagini tidak boleh-lah champor adok, jadi kena buka baju dan saya akan siasat apa fasal macham itu terjadi di-Pulau Pinang terutama sa-kali Yang Berhormat ini tidak patut juga, selalu-nya ada tabir, dia tutup tabir itu. Saya pergi juga, 3 bulan.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Bukan tidak nampak, nampak, kain yang ada itu dia melayang (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tidak apa-lah kalau nipis melayang . . . .

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh-lah kerana lawatan itu. Saya tidak kata Menteri tidak melawat saya, saya cerita dengan kejadian itu Menteri dengar<sup>2</sup> saya ada—itu saya ucapkan terima kaseh. Tetapi tirai kena-lah buat lain (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan perentahkan siasat, kalau tabir itu nipis sangat, kain itu ditebalkan sedikit lagi, takut melayang<sup>2</sup> lagi (*Ketawa*).

Bagitu juga Yang Berhormat Tuan Amaluddin membawa pandang<sup>2</sup>an-nya, saya

chukop-lah berbesar hati. Saya juga sa-bagai Menteri Kesihatan, bagitu juga-lah beliau tahu berkenaan dengan keadaan kaum ibu yang mempunyai lebih sa-paroh daripada penduduk negeri ini dan dengan sebab itu, saya telah buat keterangan dan beberapa kali saya minta daripada Mesir (UAR) meminta doktor<sup>2</sup> yang terdiri dari kaum ibu-nya tetapi saya pergi di-sana dapat tujuh pasangan lelaki dan isteri yang terdiri dari doktor, mudah<sup>2</sup>an mereka sampai kamari nanti. Tetapi kalau hendak dapat yang sa-orang itu—susah juga sedikit fasal ma'lum sahaja-lah nanti ada pula kachau<sup>2</sup>. Jadi saya pun nanti kena da'awa orang Mesir—susah juga. Walau macham mana pun kita galakkan sekarang, kita ada banyak juga doktor<sup>2</sup> perempuan dan ini memang betul. Kalau di-Pusat<sup>2</sup> Kesihatan kita hantar doktor perempuan, datok perempuan-nya di-bawa, dia hendak pereksa, dia bawa anak atau chuchunya jadi tiga orang semua-nya. Dahulu dapat satu orang sahaja kalau doktor lelaki—tetapi sekarang doktor perempuan—bawa nenek, bawa chuchu; itu yang perempuan saya kata. Ini memang kita ada statistik, tetapi hendak menempatkan juga doktor<sup>2</sup> perempuan di-luar<sup>2</sup> bandar, ini pun saya minta kerjasamalah Yang Berhormat<sup>2</sup> dan Ketua<sup>2</sup> di-sana supaya ada Jawatankuasa jangan sampai banyak complain, bagitu bagini-lah. Kalau yang bidan pun bagitu juga. Kalau doktor yang muda ini pun boleh jadi juga (*Ketawa*). Ini sahaja-lah saya minta kerjasama Yang Berhormat<sup>2</sup> itu. Saya ucapkan berbanyak terima kaseh atas sokongan penoh itu.

Dan berkenaan dengan nyamok dia makan angin (*Ketawa*). Kalau Yang Berhormat Senator itu boleh tunjok macham mana orang boleh mengenal nyamok Thailand, nyamok Pantai Barat, dan Pantai Timor ini. Nyamok semua nyamok—yang saya tahu barangkali Yang Berhormat hendak tujukan ada satu penyakit di-kata deman "Black Fever", saya ada di-border itu hari. Ini kadang<sup>2</sup> dia masuk dalam keretapi, kenderaan yang lalu itu—memang ada kita dengar dan sa-buah Jawatankuasa memang ada antara Thai dengan kita sedang menyelideki. Pesakit<sup>2</sup> black fever ini memang merbahaya. Kita akan siasat tetapi tentang bawa malaria ini bukan fasal nyamok-nya, nyamok pun nyamok tirok. Dia nyamok Thailand, nyamok tirok sama juga yang bawa malaria ini, bawa kuman malaria itu ta' ada beza<sup>2</sup>, chuma kalau orang barangkali ada rambut-nya hitam atau puteh.

Sa-lain dari itu banyak juga tegoran<sup>2</sup>, saya chuma menguchapkan terima kaseh-lah dan mengambil segala<sup>2</sup> ingatan dan berkenaan dengan Yang Berhormat Enche' Kamarul Ariffin tadi yang menyokong penoh, chuma dia harap Director-General-nya mengemukakan dengan saksama chara rotation. Ini-lah chara yang sa-benar-nya dua tahun berkhidmat itu kita sudah bersetuju kepada doktor<sup>2</sup> muda. Enam bulan di-beri peluang belajar berkenaan dengan perbidanan (obsterician) dan gynecology dalam 6 bulan atau pun lain<sup>2</sup> specialist, lain<sup>2</sup> bab yang dia belum belajar dalam tempoh sa-tahun. Yang sa-tahun lagi itu barangkali di-dalam District Hospital kerana hendak dapat pengalaman daripada situ. Akhir-nya barangkali di-Health Centre ta' sampai 6 bulan pun memang kita bersetuju di-gilir<sup>2</sup>kan. Jadi semua akan merasa perkhidmatan di-luar bandar dan dapat pengalaman juga. Ini insha' Allah kita akan jalankan sa-berapa daya upaya kita.

Saya suka menerangkan kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, pertama sa-kali Dr Lim Ah Sitt, sahabat saya dari Muar, berkenaan dengan quack doctors. Bukan hendak menunggu undang<sup>2</sup> ini, Polis pun boleh ambil tindakan, tetapi biar-lah ada keterangan dan ada saksi<sup>2</sup> yang boleh membuktikan kalau dia bawa pergi ka-Mahkamah. Tetapi yang susah-nya dia sama dia apabila sudah kena, ta' apa-lah saya ta' berani hendak beri keterangan, sudah mati—apa hendak chakap. Cherita itu indah khabar dari rupa. Kalau ta' ada saksi, ta' ada apa, kita ta' dapat-lah hendak bawa polis kes atas tuduhan itu. Dan kita telah jalankan satu dua perkara yang samacham ini dengan chukup bukti dan mereka telah pun kena hukum. Saya harap-lah Yang Berhormat<sup>2</sup> termasuk juga Yang Berhormat Doktor<sup>2</sup> terutama sa-kali bagi kerjasama dengan pegawai<sup>2</sup> saya supaya kita ambil tindakan.

Dan berkenaan dengan doktor sinseh, bomoh, itu minta ma'af-lah. Kita tidak menyekat mata pencharian mereka hendak menchari rezki itu. Chuma yang jadi soal pokok itu hendak menggunakan alat<sup>2</sup> yang di-gunakan oleh doktor. Sebab itu, saya terpaksa mengadakan satu undang<sup>2</sup> pengawalan dan sharat<sup>2</sup>. Kementerian saya akan berunding dengan General Medical Council apa yang patut sinseh<sup>2</sup> itu hendak gunakan dan dia mesti tahu hendak menggunakan alat<sup>2</sup> itu. Kalau dia ta' tahu hendak gunakan temperature itu nanti, dia salah taroh

temperature, dia beri ubat walau pun ubat ini ubat sinseh boleh jadi dia mati. Ini merbahaya kalau dia ta' tahu menggunakan-nya. Bagitu juga berkenaan dengan blood pressure. Kalau dia ta' tahu menggunakan, nanti salah ubat, walau pun ubat itu ubat sinseh.

Saya juga berharap berkenaan dengan chadangan Yang Berhormat saudara saya Enche' Abdul Samad sama ada hendak beri kebenaran atau tidak berkenaan Hospital Assistant, ini pun saya akan tengok-lah macham mana kerana yang banyak ini kata ta' usah beri, melainkan doktor, dan ada yang kata kalau ta' ada mereka, nanti orang ramai susah. Saya akan timbang dan fikirkan dan akan berunding dengan General Medical Council, apa yang boleh kita tolong supaya dia tidak melanggar benda<sup>2</sup> yang di-larang. Ini sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, ringkasan yang dapat saya menerangkan, yang lain<sup>2</sup> saya mengambil ingatan apa benda yang baik, saya akan jalankan untuk kebaikan Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan untuk ra'ayat di-Malaysia ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 44* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Pertama dan Kedua—*

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya boleh-kah dimasukkan University of Korea atau Jepun di-dalam Jadual Kedua—University of Taiwan juga fasal kita dahulu dapat Korean doctors, Japanese doctors dan doctor daripada Taiwan berkhidmat di-dalam Kerajaan kita.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Fasal pindaan ini hendak-kah di-beri notis sa-hari terlebih dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan pindaan, dia bertanya.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas pertanyaan itu. Doktor<sup>2</sup> dari Pakistan kalau pun yang Taiwan bekerja dengan Kerajaan hari ini, dia itu dalam syarat<sup>2</sup> pendaftaran. Sa-lagi dia bekerja dengan Kerajaan, Kerajaan mesti mendaftarkan dia sa-bagai doktor Kerajaan, kalau ta' ada, kalau dia membuat salah bagitu bagini, Kerajaan ada-lah bertanggung-jawab, tetapi dia lepas kontrek, dia kena balek ka-negeri dia. Saya akan timbangkan sa-kira-nya ada permintaan dan saya akan siasat dan bawa ka-dalam General Medical Council kerana saya ada kuasa tambah dan potong; ini list<sup>2</sup> nama ini sa-sudah saya berunding dengan Director-General dan juga General Medical Council.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka mengingatkan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, pertanyaan<sup>2</sup> sa-umpama yang di-kemukakan baharu tadi, sa-patut-nya telah di-bawa pada masa perbahathan atas Rang Undang<sup>2</sup> ini tadi.

*Jadual Pertama dan Kedua* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PERGIGIAN

### Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang<sup>2</sup> sa-bagai satu Akta bagi menyatu dan meminda undang<sup>2</sup> berhubung dengan pendaftaran dan amalan pengamal<sup>2</sup> pergigian dan bagi membuat peruntukan tertentu untuk maksud negara berkenaan dengan suatu tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam sa-lepas pendaftaran sa-bagai sa-orang pengamal pergigian sa-bagai membuat peruntukan bagi maksud<sup>2</sup> yang berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> yang tersebut di-atas. Rang Undang<sup>2</sup> ini telah pun di-bahatkan dan di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat.

Dalam tahun 1967 Kerajaan telah melantek satu Jawatankuasa Khas yang di-pengerusi-kan oleh Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmad Kamil untuk mengkaji masaalah<sup>2</sup> yang di-hadapi oleh keahlian perubatan dan pergigian negara ini dan kebanyakan daripada shor<sup>2</sup> Jawatankuasa itu telah pun dimasukkan ka-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Pergigian yang di-bentangkan di-sini.

Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan<sup>2</sup> bagi menyatu dan meminda undang<sup>2</sup> yang berkaitan dengan pendaftaran dan amalan pengamal<sup>2</sup> pergigian di-Malaysia dan untuk kepentingan negara bagi menetapkan satu tempoh perkhidmatan awam sa-lepas pendaftaran penuh sa-bagai sa-orang doktor gigi. Undang<sup>2</sup> ini akan membatalkan dua Ordinan di-Malaysia mengenai perkara pendaftaran pengamal<sup>2</sup> pergigian ia-itu Ordinan Pendaftaran Dentis Malaysia Barat 1958 dan Ordinan Pendaftaran Dentis Sarawak. Tidak ada undang<sup>2</sup> di-Sabah untuk mengator dan mengawal pengamalan pergigian melainkan Poisons and Deleterious Drugs Ordinan<sup>2</sup> yang membenarkan sa-saorang dentis mendapat lesen di-bawah-nya untuk memilekki dan menggunakan ubat<sup>2</sup> yang merbahaya dalam pekerjaan-nya.

Bahagian II Rang Undang<sup>2</sup> ini menubuhkan satu Majlis yang tunggal untuk keahlian pergigian di-negara ini yang akan di-namakan Majlis Pergigian Malaysia. Mailis ini akan di-anggotai oleh 17 orang ahli yang mewakili Malaysia Barat, Sabah, Sarawak dan Fakulti Pergigian Universiti Malaya (bila di-tubuhkan nanti). Ada-lah di-rasakan keahlian pergigian akan menjadi tegoh terbit dari penyatuan yang akan timbul dengan perubahan Badan Kebangsaan ini dan badan ini akan menjadi satu ejen pengubah yang chekap dalam masyarakat kita dan juga akan menolong meneguhkan perasaan bersatu padu di-antara pengamal<sup>2</sup> pergigian di-Malaysia Timor dan Malaysia Barat.

Sharat<sup>2</sup> penting berthabit dengan pendaftaran pengamal<sup>2</sup> pergigian . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tidak panjang lagi. Saya boleh potong ringkaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa minit?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tidak payah-lah saya hendak panjangkan, Tuan Yang di-Pertua, apabila telah di-luluskan undang<sup>2</sup> berkenaan dengan kedokteran sama juga-lah berkenaan dengan pergigian, tetapi oleh kerana undang<sup>2</sup>, saya harap-lah pehak Yang Berhormat<sup>2</sup> nanti boleh bertanya, saya boleh terangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tidak hendak berchakap lagi?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tidak payah lagi, jadi kalau ada pertanyaan, saya akan terangkan.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I think this is a very good Bill, but I would like to emphasise on certain aspects of the Second Schedule, about the qualifications of dental surgeons whom we are going to admit for practice into this country.

Before the war, Japanese dentists did a very good service in this country—before their invasion of Malaya—and I see that in this Schedule Japanese dentists are not included so that they will not be able to practise in this country. I also know that in the University of Taiwan there are also good dental surgeons. After all, they do not deal with the health aspect, only on the teeth, a part of the physical anatomy. If they are good at dental surgery, they should be admitted to this country for the sake of our people, because we require lots and lots of dental surgeons in this country, because, as you can see all around us, the teeth of our people are very bad for lack of proper dental care. May I suggest to the Government that dental surgeons from Japanese Dental Schools and also from the University of Taiwan be included in this Second Schedule. Thank you, Sir.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, dalam membahatkan Rang Undang<sup>2</sup> ini saya ingin mendapat penjelasan yang betul dan jelas berhubung dengan ta'arif dalam Fasal 2 (2). Sa-saorang hendaklah di-sifatkan sa-bagai menjalankan amalan pergigian dalam erti Akta ini jika, untuk mendapat keuntungan atau sa-lain-nya orang itu—

- (a) merawat atau chuba merawat atau bertugas merawat, mengubati, melegakan atau menchegeh apa<sup>2</sup> penyakit, kekurangan atau kesakitan pada gigi atau rahang manusia;

Masaalah-nya, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa kehendak Rang Undang<sup>2</sup> ini sa-tiap orang yang sifat-nya seperti itu chuba merawat dan sa-bagai-nya, membelah gigi atau menggali gigi, mensimin gigi dan sa-bagai-nya harus berdaftar, yang pendaftaran itu akan terbahagi kepada dua. Dentist sa-bagai tukang gigi dan sa-orang lagi sa-bagai doktor erti-nya pakar dalam

hal pergigian yang boleh menjalankan surgery. Yang ini saya mahu mendapat penjelasan. Di-negeri kita ini telah lama berjalan banyak kedai<sup>2</sup> gigi yang kita boleh sifatkan bukan sa-bagai pakar pergigian, tetapi sa-bagai dentist. Dan di-antara-nya ada dari kalangan bumiputra sendiri yang telah mempunyai pengalaman<sup>2</sup> bertahun<sup>2</sup> bekerja dalam hospital dalam bahagian pergigian. Bukan sahaja dia menolong kerja<sup>2</sup> doktor gigi, tetapi dia sudah buat gigi<sup>2</sup>. Kemudian itu dia berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan dan bekerja dengan doktor private, bekas doktor yang pernah bekerja di-hospital. Dia mendapat pengalaman<sup>2</sup> yang lebeh banyak lagi. Dia boleh menchabut gigi, dia boleh menyimen gigi dan sa-bagai-nya. Orang yang sa-macam ini meminta kebenaran untuk menjalankan perusahaan gigi, ta' boleh, ta' pernah mendapat kebenaran, tetapi dia menjalankan juga dengan meminjam lesen daripada orang lain, dengan nama orang lain.

Kalau sa-kira-nya pendaftaran sa-chara ini berjalan kuat-kuasa-nya dan kalau ada hamba Allah yang seperti ini, yang sedang menjalankan pekerjaan mendapat nafkah dan pekerjaan yang di-lakukan itu tidak memudaratkan sa-siapa, kalau dia tertahan, tentu-lah akan mengechewakan penghidupannya sendiri. Jadi, saya harap, pada fikiran saya, dalam perlaksanaan-nya itu walau pun kita hendak menjaga sa-berapa banyak yang boleh daripada memudaratkan manusia di-dalam negeri ini, tetapi harus-lah di-kaji dan di-beri pertimbangan kalau<sup>2</sup> ada yang seperti itu supaya mereka dapat melanjutkan kerana soal-nya soal kehilangan pekerjaan apabila undang<sup>2</sup> ini telah berjalan kuat-kuasa-nya. Sekian.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr Cheah Toon Lok telah memberi pandangan. Saya akan siasat perkara itu dan berhubung dengan Dental Council berkenaan dengan chadangan yang dua negeri tadi itu, sama juga macham doktor tadi.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus, kalau-lah sudah dia tidak dapat di-daftarkan tentu-lah dia tidak jadi doktor gigi yang berdaftar, tentu-lah salah, tetapi apabila kita buat undang<sup>2</sup>, kita timbang rasa, sa-belum undang<sup>2</sup> ini di-adakan umpama-nya di-Sabah sekarang; di-Sabah belum ada undang<sup>2</sup>, kita sekarang hendak kenakan undang<sup>2</sup> ini. Mereka yang

telah membuat kerja dentis dan kita siasat, yang patut di-timbangkan, di-siasat, yang boleh kita masukkan daftar, kita patut daftarkan, tetapi ini daleh orang yang sa-lepas undang<sup>2</sup> ini sudah di-kuat-kuasakan, dia ta' boleh lagi daftar. Ini di-buat di-mana<sup>2</sup> negeri juga yang mengadakan undang<sup>2</sup> yang baharu. Saya akan siasat-lah perkara itu, tetapi sudah terang kalau nama dia tidak ada daftar, dia bekerja sa-bagai dentis, salah quack dentis.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 50* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PEMBASMI MALARIA**

### **Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk memben-tangkan suatu Akta bagi membuat perunto-kan berkenaan dengan pembasmian malaria dan perkara<sup>2</sup> yang berhubung dengan-nya dan bagi menyatu dan memansokhkan undang<sup>2</sup> berhubung dengan langkah<sup>2</sup> menche-gah malaria.

Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah bertujuan untuk mengembalikan peruntukan Ordinan No. 85 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1971 kepada suatu undang<sup>2</sup> yang kekal. Menjelang Ordinan Dharurat ada beberapa enactment<sup>2</sup> atau pun ordinan<sup>2</sup> yang berasingan, yang berkuat-kuasa di-lapan buah negeri, berthabit dengan per-kara ini di-Malaysia Barat. Perlis, Kelantan dan Trengganu tiada mempunyai Undang<sup>2</sup> Menchegah Malaria. Enactment<sup>2</sup> atau pun ordinan<sup>2</sup> ini ada-lah kebanyakan-nya sudah

ketinggalan zaman dan berthabit hanya untuk mengamal langkah<sup>2</sup> menchegah jentik<sup>2</sup>. Per-tama-nya di-kawasan<sup>2</sup> bandar dan estate<sup>2</sup>.

Enactment<sup>2</sup> atau pun ordinan ini ada-lah perlu untuk di-pinda dan mengambil ingatan juga mengenai kawalan dan akhir-nya mem-basmi penyakit malaria seluroh-nya. Saya tidak berchakap panjang, chuma hendak merengkaskan sahaja, malaria satu penyakit yang merbahaya. Jadi, dengan ada-nya undang<sup>2</sup> ini kita dapat meminta bekerjasama kepada seluroh ra'ayat yang kalau ra'ayat tidak bekerjasama, nyamok tirok yang mem-bawa kuman malaria ini gitit dia, kalau sudah naik otak, ta' ada harapan, tinggal waktu bila sahaja dia mati. Jadi, sebab itu tentu-lah sangat patut di-dalam negara Malaysia ini semua ikut atoran yang baik, ajaran yang baik, kira-nya kita hendak da'awa sa-orang yang tidak suka rumah-nya di-semor dengan DDT dan kita bawa ka-mahkamah kena hukum pula dia, fasal kita hendak menyelamatkan dia daripada penyakit malaria, daripada maut. Jadi, oleh kerana itu, saya meminta-lah Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat semua menyokong penoh, tinggal lagi ada perkara-nya yang kita minta bagi notis, tetapi kita tidak akan da'awa, kita akan nasehat dahulu, kita akan siasat kerana ini ma'ana-nya hendak mengajar orang ramai supaya bekerjasama hendak menghapuskan nyamok tirok yang membawa kuman malaria ini.

Lagi satu, saya di-sini berdiri sa-bagai Menteri Kesihatan. Sa-kira-nya manager<sup>2</sup> estate<sup>2</sup> atau pun rumah<sup>2</sup> yang besar<sup>2</sup>, yang baharu, dia tidak hendak bau atau pun kotor dengan DDT ini, pada hal ini ubat, dia boleh membeli emulsion dengan harga yang lebeh sedikit daripada yang tiga atau dua kali ganda, saya ta' tahu, kalau waktu orang<sup>2</sup> kita menyembor, kita boleh tolong semborkan perchuma, tetapi hendak meminta Kerajaan, wang ra'ayat mesti hendak bagi istimewa pada rumah<sup>2</sup> yang besar<sup>2</sup>, ta' hendak kotor, ta' hendak itu, hendak lawa, dia boleh mampu membuat rumah<sup>2</sup> sampai berpuluh<sup>2</sup> ribu, tentu dia boleh mampu membeli emul-sion. Kita boleh tolong. Ini saya beri peluang dapat kerjasama, tujuan hendak dapat, kalau ada 100 buah rumah di-dalam kawasan yang ada malaria, ta'ada sa-buah rumah pun yang ta' kena sembor dengan DDT atau pun emul-sion ini kerana ini ubat telah di-akui, 20 tahun kita pakai. Apabila di-sembor sa-belah dalam ini, nyamok apabila sa-lepas menggigit kita dia hinggap. Apabila kena bau sahaja

itu dia sudah pengsan, jatuh, terus mati. Mati nyamok hidup kita. Itu-lah nasehat saya (*Ketawa*).

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sa-penoh<sup>2</sup>-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini kerana nampak-nya Undang<sup>2</sup> ini sekarang meliputi seluruh negara, kalau Undang<sup>2</sup> yang lama dahulu saya nampak tidak meliputi seluruh negara. Jadi atas dasar-nya saya menyokong sa-penoh<sup>2</sup>-nya atas Rang Undang<sup>2</sup> ini. Tetapi ada dua tiga perkara yang saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk penjelasan.

Petang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap sa-bagai pengalaman saya sa-bagai peladang kechil. Tiap<sup>2</sup> minggu saya pergi ka-Janda Baik; itu nama tempat, Tuan Yang di-Pertua, bukan-nya orang, kerana pergi beladang. Jadi yang merunsingkan saya, ialah berkenaan dengan Fasal 20 dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini. Di-bawah sini ada mengatakan ia-itu: "Mana<sup>2</sup> pemunya atau penduduk mana<sup>2</sup> tanah pegangan pertanian"; ini satu bahagian, dan satu lagi tanah lombong, ". . . . . yang berchadang hendak menebang atau membersekan mana<sup>2</sup> hutan, tumboh<sup>2</sup>an bawah atau tumboh<sup>2</sup>an lain . . . . ."; ini yang saya susah hati sadikit berkenaan dengan tumboh<sup>2</sup>an lain. Jadi, di-maksudkan di-sini tumboh<sup>2</sup>an ini boleh-lah meliputi sa-bagai sayor<sup>2</sup>, tebu, ubi kayu, jagong itu pun rasa saya masuk dalam tafsiran tumbohan, kalau dapat Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sa-lepas ini sekarang saya amat-lah berterima kaseh.

Di-sini mengatakan lagi, ". . . . . bagi maksud menanam atau menanam sa-mula tanah pegangan . . . . ."; saya ambil tanah pegangan atau yang berchadang hendak membuat lubang di-tanah bagi maksud menanam, menanam sa-mula atau melombong itu . . . . .", melombong itu kita ketepikan dahulu, ". . . . . hendak-lah memberi tahu Pengarah atau sa-saorang Pegawai Perubatan Kesihatan dengan bertulis mengenai chadangan-nya hendak berbuat demikian tidak kurang daripada 14 hari sebelum kerja<sup>2</sup> itu di-mulakan." Jadi, orang yang melakukan kesalahan di-bawah ini boleh-lah di-hukum kalau tidak salah saya sampai sa-ribu ringgit. Yang saya minta penjelasan sadikit kepada Yang Berhormat

Menteri ia-lah bagaimana kita boleh mengatasi problem ini dari segi kaum<sup>2</sup> peladang kechil, kerana dia yang menanam ubi kayu, tebu itu pekerjaan hari<sup>2</sup>. Jadi boleh di-katakan hari ini dia chabut besok dia tanam atau sa-hari dua lagi baharu dia tanam jadi terpaksa dia menggalikan lubang. Kalau mengikut fasal ini dia terpaksa memberi notis 14 hari kepada Pegawai Perubatan Kesihatan. Jadi, ada-kah itu berma'ana tiap<sup>2</sup> kali dia hendak tanam itu 14 hari sa-belum itu terpaksa dia beri notis. Ini-lah yang merunsingkan saya sadikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap barangkali Yang Berhormat Menteri dapat menchari satu jalan bagaimana perkara ini boleh di-atasi supaya tidak banyak sangat red tape kerana terkena kepada peladang<sup>2</sup> kechil terutama sa-kali orang<sup>2</sup> di-luar bandar yang menulis pun ta' pandai.

Di-bawah ini, Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Rang Undang<sup>2</sup> ini ada peruntukan mengatakan berkenaan dengan lombong ini tadi ini di-bawah Fasal 27. Saya harap di-bawah Fasal 27 ini lombong ia-itu tidak termasuk kolam<sup>2</sup> ikan. Rasa saya kalau kolam<sup>2</sup> yang ada ikan itu tidak menjadi soalan kita, dia mengatakan di-sini: ". . . . . dalam lubang atau lekukan itu di-jadikan kapada suatu keadaan yang tidak boleh membiakkan atau memberi perlindungan kapada nyamok." Sa-tahu saya kalau kolam<sup>2</sup> ikan yang ada ikan itu tidak menjadi kesulitan kerana jentek<sup>2</sup> itu akan di-makan oleh ikan, tetapi banyak kala-nya kolam<sup>2</sup> itu yang belum lagi di-penohi dengan ikan yang besar<sup>2</sup> baharu anak<sup>2</sup> ikan, jadi bagaimana pula kedudukan itu. Saya takutkan besok oleh kerana orang hendak membiarkan ikan ini anak<sup>2</sup> ikan ini maseh lagi kechil dia tidak boleh hendak makan anak<sup>2</sup> nyamok atau jentek<sup>2</sup> tadi, dan dia melanggar peratoran Fasal 27 (2) ini tadi.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kerana di-sini nampak-nya pehak Kerajaan boleh meminta jikalau dia menyembor dalam kawasan itu dengan ubat<sup>2</sup> dia boleh minta supaya dia punya atau penduduk tadi membayar bayaran<sup>2</sup> ini. Tetapi juga saya nampak dalam peruntukan ini di-bawah Fasal 38 ada menyatakan :

"38. Jika Pengarah atau sa-saorang Pegawai Perubatan Kesihatan berpendapat sa-lepas penyiasatan yang sa-patut-nya di-jalankan bahawa sa-saorang tidak berkemampuan membayar perbelanjaan yang perlu bagi melakukan apa<sup>2</sup> perkara yang dikehendaki di-lakukan oleh-nya di-bawah Akta ini maka perbelanjaan yang perlu itu boleh di-bayar dari Kumpulanwang Disatukan."

Di-sini saya rasa terutama sa-kali penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar yang di-kampung<sup>2</sup> yang pendapatan-nya tidak begitu besar jadi jikalau mereka di-minta di-bayar atas ubat<sup>2</sup> yang di-semboi ini saya rasa itu akan menambah lagi beban mereka. Saya harap satu jalan di-chari bagaimana pihak Kerajaan mengatasi dan membantu orang<sup>2</sup> yang tidak mampu. Di-sini mengatakan "sa-lepas penyiasatan", jadi kalau hendak menunggu sa-lepas siasatan itu barangkali susah sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau di-kenakan kepada lombong besar<sup>2</sup> atau pun estate<sup>2</sup> besar yang mampu itu saya rasa tidak menjadi masalah. Sekian-lah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang<sup>2</sup> ini.

**Dato' J. E. S. Crawford:** (*Dengan izin*) Tan Sri President, Sir, I rise to support the Malaria Eradication Bill as a very essential measure. However, Sir, I have a few points to raise on behalf of the rubber and oil palm industries regarding Part V of the Bill, starting on page 13 of the English version of the Act—the rubber and oil palm industry, Sir, which covers over five million acres in West Malaysia consider, Tan Sri Yang di-Pertua, some of the provisions to be impractical for estates and smallholdings. For example, Sir, the requirement in Clause 27 (1), that the undergrowth or vegetation should not be cut down or cleared within 20 feet of any stream or seepage or running or standing water without previous permission of a Government Medical Officer. It appears to mean that the smallholders and estate owners will have to be constantly seeking such permission before carrying out routine upkeep of their properties which cover five million acres.

Furthermore, Tan Sri President, it is contended with provisions in Clause 20 (1) and Clause 37 (1), impose an unreasonable onus of responsibility on smallholders and estate managers in having to notify a Government Medical Officer in writing 14 days before clearing land or making holes in the ground for planting or replanting, or before carrying out any building, land development or other operation. The smallholders are especially affected and if they are to apply the new yield stimulant Ethrel, they must clear their areas of blukar and other growths to apply fertiliser, as recommended by the R.R.I., as an essential part of the Ethrel Application programme.

In conclusion, Tan Sri Yang di-Pertua, the rubber and oil palm producers, both small and big, ask the Honourable Minister of Health that the provisions of the Malaria Eradication Act, 1971 should be reconsidered from the practicality viewpoint, especially in respect of the rubber and oil palm industries, and that Clauses 20, 27 and 37 in particular, either be modified substantially or preferably be deleted altogether.

That is all I have to say on Part V of the Act, which I support, subject to my comments on the difficulties caused to the two big agricultural industries covering five million acres in West Malaysia. Thank you, Sir.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, pada menjawab-nya kedua<sup>2</sup> Yang Berhormat Senator tadi pun sama . . . .

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, It seems to me that this is a very good Bill but it penalises only two types of people—agricultural holding and mining land. But there are now in Malaysia today, in Kedah, in every part of the urban areas, hundreds of houses which are being developed and drains never cared for. Because they are not in Town Council areas, they are only in Town Board areas, drains are not cleaned, mosquitoes breed everywhere and they are the people who should be penalised for bringing malaria into town. Thousands and thousands of houses have gone up, and we should draw the attention of the Minister-in-charge to see that these houses are properly cleaned, the drains are properly done before the occupiers go in, the new tenants go into those houses. Thousands and thousands of houses have gone up and in certain areas, I know of in Kedah, the drains are never cleaned because it is not in a Town Council area or a Town Board area. So I wish to draw the attention of the Minister-in-charge to this matter.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Bagi menjawab Yang Berhormat Dato' Cheah Toon Lok, saya menarek perhatian Sekshen 24, sudah ada dalam itu. Saya bachakan: "Any owner or occupier of a premises or any vessel or any registered medical officer who becomes aware of a person suffering from malaria or has reason to believe that any person is suspected to be suffering from malaria . . . .", then he has to report that and there are other areas concerning where



the occupier of a premises also is provided here. So we have seen that this Bill not only covers agricultural and other lands but also in respect of premises because it is clearly an offence if the owner of a premises or an occupier leaves places where mosquitoes can breed. It is an offence.

(*Dengan izin*) As regards the matters brought up by Yang Berhormat Kamarul Ariffin and Dato' Crawford, these provisions have been given very careful thought by the Government and by the Ministry because we realised the difficulties of all but in considering this, we tried our best to find the easiest method. There are pros and cons in all these matters. We have to eradicate malarial mosquitoes. On the other hand, in order to do that, we have to cause inconvenience. So the best way we realised was by getting those responsible for planting, either smallholder or estate owner, before taking any action which may likely to cause breeding of mosquitoes, to just write a letter to the Medical Officer or to the authority concerned that such a thing is to be done, to clear jungle or to dig holes and what not. That is all he has to do.

Now, the next thing is for the Medical Officer or the authority to consider, after looking at the notice, whether it is worthwhile even to visit the place, or if it is an estate, he may send one of his officers to visit the estate to find whether it is all right to clear that without any further ado, and give permission to clear it. That is the easiest thing because we know very well these are the areas where mosquitoes do breed.

For example, if someone were just to plant one banana tree and dig one hole, it is absurd to send a notice but in law, Sir, it does not mean it is an offence and we must take action against that. It can be ignored. But there it is—the difficulty has to be there, the law has to be made in the larger interest of the majority of all the people of this country, comparing the pros and cons and considering the danger of malaria to the ra'ayat, how it affects labour and how it affects even the economy of a country. We all know that.

I think those inconveniences cannot be helped and the inconvenience is just sending a notice. Once you send that notice, it is up to the Medical Officer or the authority whether to go there to inspect or not.

In fact, we had drafted earlier much more stringent provisions, but we found it is almost impracticable. So this we consider is the least that we could do and my view, Dato' Yang di-Pertua, is that we should support and let this Bill pass through and as we go along, after one year or two years, if there is anything which has to be amended, then we will try later on to amend it but not to push back this Bill because this is an urgent matter where we need to carry it out in the next Five-Year Plan because if this Bill is blocked and we cannot pass it then something may happen and malaria will spread and then it may affect even our Second Five-Year Plan. Terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** (*kapada Dato' Dr Cheah Toon Lok*) Jika Ahli Yang Berhormat itu belum tamat lagi ucapan-nya, jemput berdiri—bangun.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** On a point of clarification, Sir. May I ask permission to read the section referred to by the Attorney-General. You see I was talking about houses, the responsibility of the area. Now this section says: "Any owner or occupier of a premises or any vessel or any registered medical officer who becomes aware of a person suffering from malaria . . . ."—it is irrelevant to the subject. I say mosquitoes, not suffering from malaria. Details of mosquitoes, nothing to do with people suffering from malaria in that section. The section there is different from what I said because those drains are outside the premises. They do not belong to the Government nor to any person within the housing development. The drains are there and the private roads are there and mosquitoes breed all along there. Now, whose responsibility, it is not householders' responsibility, nobody is in-charge. There is no Town Council, nor Town Board in that area. Now, who is in-charge? Nobody is in-charge. So I wish to draw attention of the Government to this aspect of the matter only, for them to be careful about this so that everybody who builds a housing estate, they must have proper roads or proper drains and to see that the drain really has somewhere to go, not to build a drain where the water has nowhere to go, stands there stationary, it does not go anywhere. I wish to draw the attention of the Minister-in-charge to this matter only.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi hendak berchakap?

**Dato' J. E. S. Crawford:** (*Dengan izin*) May I ask for a clarification from the Attorney-General, Sir?

**Tuan Yang di-Pertua:** Clarification?

**Dato' J. E. S. Crawford:** Yes, Sir—clarification on what he said. On what I was asking, Sir, he said to write in. What is worrying the Rubber Producers' Council which covers the whole of Malaysia is the small-holders, Sir, of which there are hundreds of thousands, who won't know and won't be able to write in, Sir. The other point, Sir, we want to draw out is that the bigger source of malaria is the millions of rubber cups which we can't do away with all over the estates. Sir, I wonder how the Attorney-General would deal with those. Thank you, Sir.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** (*Dengan izin*) At the most two days—then there will be tapping again. If more than two days, no mosquitoes or larvae will survive in the rubber cups, because they have not left the rubber cups there for months and months. They may be left in the estates. I don't know; but rubber cups after almost everyday there will be rubber in them. Mosquitoes won't breed in rubber. I think this is the answer to that.

As regards the smallholders, as I said just now, if we don't provide this law by asking the smallholders or land-holders to send a notice, then are we here to drop that provision and allow the mosquitoes to breed? As I said just now, sometimes common sense has to be used. To dig a few holes, to plant a few flowers near the house it is not necessary to send a notice. But a man may have ten or twenty acres not far from Kuala Lumpur town, he starts digging holes there, leaving there for six months, and if that kind of person were not to send a notice, then as the breeding mosquitoes spread malaria throughout Kuala Lumpur, are we going to drop this provision to let that to go on?

I ask this House, as I said just now, to use our good common sense when exercising and implementing these matters. For the time being, it is not so easy to get out of this so-called dilemma between whether to have this provision or to leave it out.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit

bagaimana Dato' Dr Cheah Toon Lok, ia-itu saya hendak bertanya Kementerian berkenaan sa-kira-nya perkara berlaku macham bandar Kota Bharu, bandar Kota Bharu ini dia dibawah parasan laut dan rendah bawah parasan sungai, dia punya bandar itu dibawah parasan laut. Jadi siapa juga buat parit, ayer dia tidak turun ka-sungai kerana terlampau rendah. Jadi kesemua parit dalam bandar Kota Bharu itu, kesemua-nya ayer tidak boleh berlari dan hari ini saya rasa berbanding dengan bandar<sup>2</sup> lain Kota Bharu-lah paling banyak sa-kali nyamok<sup>2</sup> tirok yang di-katakan oleh Menteri. Jadi jikalau sa-kira-nya saya buat rumah dalam bandar Kota Bharu, saya buat parit untuk rumah saya, keluar ayer itu kepada parit Kerajaan, parit Kerajaan itu rendah daripada paras lautan. Jadi ayer saya tidak keluar, ayer saya itu dudok dalam parit di-rumah saya itu sampai tujuh hari. Dalam ini undang<sup>2</sup> kata tujuh hari saya kena dapat kesalahan yang akan dihukum oleh undang<sup>2</sup> ini. Macham mana, hari<sup>2</sup>, tujuh hari saya kena hukum, tujuh hari hukum, ayer-nya keluar ta' dapat. Jadi saya fikir undang<sup>2</sup> ini kita boleh sokong, tetapi masalaah tujuh hari ini kena fikir balek, bagi Kota Bharu sa-kurang<sup>2</sup>-nya. Kalau tidak Kerajaan mesti buat satu ranchangan pindahan bandar Kota Bharu itu kepada tempat yang lebeh tinggi supaya selamat daripada kena tujuh hari punya notis, kalau tidak, tidak ada jalan lain. Ini satu masalaah. Mesti pindahkan bandar Kota Bharu itu kepada tempat yang lebeh baik, lebeh tinggi supaya keadaan ra'ayat yang ada dalam bandar Kota Bharu itu selamat. Kalau tidak nyamok<sup>2</sup> ini tidak boleh di-hapuskan dalam bandar Kota Bharu itu, ini satu masalaah.

Masalaah yang kedua yang saya nampak, bahagian Jabatan menghapuskan nyamok<sup>2</sup> ini, dia mesti ada research dia, dia mesti ada pakar<sup>2</sup> yang membuat kajian<sup>2</sup>. Dan dalam satu<sup>2</sup> negeri tentu-lah di-kaji dalam district mana yang banyak nyamok, dalam district mana yang kurang nyamok. Kalau hendak katakan tidak ada langsang nyamok, tidak boleh, sebab bagaimana ada wakil tadi kata ada nyamok yang suka makan angin, jadi hendak tahan tidak boleh. Jadi banyak district yang ada sedikit nyamok, ada banyak district yang banyak nyamok. Kalau begitu daripada kajian ini tidak-kah bagi pehak Kementerian ini boleh dapat tahu fasal apa kawasan ini banyak nyamok, timbul daripada mana? Ada-kah timbul daripada rendah-nya kawasan itu daripada parasan laut atau

timbul daripada kerana chuai-nya penduduk<sup>2</sup> dalam kawasan itu. Ini yang kita hendak tahu. Kalau kerana chuai penduduk, kita jalankan undang<sup>2</sup> supaya penduduk itu tidak chuai. Tetapi kalau sa-kira-nya tempat itu dengan kerana keadaan bumi, keadaan kawasan, maka undang<sup>2</sup> ini tidak boleh kita gunakan dan ini kena-lah ada satu paragraph atau pun satu peruntukan khas dalam undang<sup>2</sup> ini yang boleh mengecualikan kawasan<sup>2</sup> yang sa-umpama ini. Ini mesti, kalau tidak semua kena hukum, tambah<sup>2</sup> dalam Kota Bharu habis semua kena hukum. Orang yang kena hukum pertama sa-kali President Town Council itu, dahulu fasal dia ta' jaga dia punya parit itu betul<sup>2</sup>. Itu-lah sahaja, sekian, terima kaseh.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara hendak hidup hendak mati tadi mengikut segala<sup>2</sup>-nya. Jadi undang<sup>2</sup> ini di-buat pertama kali kita akan chuba, bagaimana rakan saya Peguam Negara tadi telah menerangkan A sampai Z, tetapi Yang Berhormat Dato' Cheah kata tadi ini no-man's land, bukan municipal bukan apa, ta' payah, saya sudah beri perintah. Apabila question of health, whenever it has been affected, kalau semua orang terkena, in national interest. Saya akan perentahkan kepada Senior Health Officer, kalau di-Alor Star nanti, supaya di-co-ordinate mana yang Town Council, mana yang Town Board, mana yang tidak ada, kita ambil, kita akan periksa, kita akan berhubung dengan pejabat<sup>2</sup> yang lain, co-ordination, co-operation, planning, implement, then we get quick good result, jadi ta' usah-lah gadoh, perkara ini, perkara ini kita belum chuba.

Yang nombor dua, berkenaan dengan rayuan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dua orang tadi, Dato' Crawford dan Enche' Kamarul Ariffin, saya tahu dia sokong. Chuma chara ini hendak mengimplement. Saya beri akuan di-dalam rumah Yang Berhormat ini, saya akan arahkan saya punya Pengarah Kesihatan, sa-orang yang bertimbang rasa supaya adakan sa-buah Jawatankuasa daripada Kementerian saya supaya kita jempit wakil<sup>2</sup> yang berkenaan ini, kita akan runding pada mereka dan kita chuba macham mana keadaan-nya yang boleh sesuaikan.

Yang Berhormat Senator Nik Hassan ta' usah-lah hendak pindah Kota Bharu, hendak tenggelam sana, tenggelam sini. Kita undang<sup>2</sup> ini mesti practical. Undang<sup>2</sup> ini, law is law

of common sense. Jadi ta' ada satu pun hendak beri sentence, hendak prosecute semua orang daripada Kota Bharu, mana lock-up hendak taroh, mana jadi? Tidak ada orang daripada Kota Bharu. Ta' boleh-lah macham itu.

Saya pun berdiri di-sini sa-bagai Menteri Kesihatan, loyar juga-lah. Rakan saya tadi sudah beri tahu, kita chuba, sokong-lah dan terima kaseh banyak.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 44* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> HOSPITAL PERSENDIRIAN

### Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok memohon membentangkan Rang Undang<sup>2</sup> bertajok suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan Pendaftaran dan Pemereksaan Hospital<sup>2</sup>, Rumah<sup>2</sup> Rawatan dan Rumah<sup>2</sup> Bersalin Persendirian. Rang Undang<sup>2</sup> ini telah pun di-luluskan di-Dewan Ra'ayat dan tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ialah untok membuat peruntukan bagi pendaftaran dan pemereksaan hospital<sup>2</sup>, rumah<sup>2</sup> rawatan dan rumah<sup>2</sup> bersalin persendirian untok memastikan bahawa rawatan yang di-amalkan ada-lah selamat dan mempunyai mutu yang berpatutan dan saya tidak payah-lah hendak berchakap panjang kerana di-dalam kenyataan<sup>2</sup> apa sebab di-adakan undang<sup>2</sup> ini telah pun ada terang dan sa-kira-nya ada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat hendak bertanya boleh-lah saya terangkan. Terima kaseh.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' J. E. S. Crawford:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh undang<sup>2</sup> ini dan meminta keterangan sedikit daripada Menteri Kesihatan hal Fasal 12 ini rumah<sup>2</sup> sakit sharikat<sup>2</sup> ladang getah ada kechualian daripada Undang<sup>2</sup> ini fasal dia berjalan di-bawah Undang<sup>2</sup> lama, Undang<sup>2</sup> Buroh lama atau di-bawah Akta ini, saya minta keterangan.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Apa dia nama hospital itu?

**Dato' J. E. S. Crawford:** Estate hospitals, are they excluded?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Undang<sup>2</sup> ini ia-lah mengenakan hospital<sup>2</sup> persendirian yang sudah dan yang akan di-tubuhkan. Kalau dia sudah di-tubuhkan sharat<sup>2</sup> ini hendak-lah di-tepati tetapi di-beri tempoh dalam tempoh sa-tahun hendak sesuai dengan keadaan Undang<sup>2</sup> ini. Semua hospital private semua kena di-bawah Undang<sup>2</sup> ini.

**Dato' J. E. S. Crawford:** (*Dengan izin*) May I ask, Sir, whether under Clause 12, the estate hospitals which come under the Labour Code—what is referred to as a “Rump Labour Code?” Are they exempted from this Act in fact? If you read Clause 12, from my understanding, they are exempt from this Act because they come under another law that is the Labour Code. Thank you, Sir.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, memang-lah di-kechualikan fasal estate ini ada undang<sup>2</sup>-nya, tetapi ini di-dalam bandar<sup>2</sup> yang banyak sekarang ini tumbuh macham chendawan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 13* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, meshuarat di-tangguhkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari besok, 6hb Ogos, 1971.

*Dewan di-tangguhkan pada pukul 6.30 petang.*